

KESEMBILAN

Ninth

PERTAMA

First

Jilid 1 Bil. 45 Hari Khamis 16hb November, 1995

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Had Masa Berucap Dalam Perbahasan Peringkat Jawatankuasa (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1996 (Ruangan 43)

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8,
B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 (Ruangan 44)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1996 (Ruangan 43)

Jawatankuasa:

Maksud P.7 dan P.8

(Ruangan 44)

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Pertama

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)

“ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

“ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

“ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 16hb. November, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Had Masa Berucap Dalam Perbahasan Peringkat Jawatankuasa

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab masa yang dikhaskan untuk membahaskan butir-butir perbelanjaan di dalam Jawatankuasa ini adalah terhad, adalah perlu tiap-tiap seorang ahli berucap selama 10 minit sahaja.

Cara ini akan membolehkan lebih ramai ahli-ahli berucap dan kita dapat menghabiskan perbahasan di dalam masa yang ditetapkan oleh Peraturan Mesyuarat. Cara ini adalah lazim diamalkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang lepas di dalam keadaan yang sama. Saya berharap akan dapat kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Seperkara lagi untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada malam ini tiada sambungan mesyuarat kerana terdapat suatu Jamuan Negara di Dewan Bankuasi untuk meraikan Tuan Yang Terutama Presiden Zimbabwe. Sekian. [*Tepuk*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

PERSENGKETAAN DI BOSNIA - PENDIRIAN MALAYSIA

1. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia tentang kesepakatan puak-puak yang bersengketa di Bosnia untuk membentuk sebuah negara Bosnia yang didiami oleh puak Serb, Croat dan Islam.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Dewan ini, Malaysia menyokong kesepakatan puak-puak yang bersengketa di Bosnia untuk membentuk sebuah negara yang didiami oleh semua puak tersebut kerana Malaysia mempercayai bahawa sebarang penyelesaian damai yang menyeluruh di Bosnia-Herzegovina mestilah mencerminkan kepelbagaian etnik yang terdapat di negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa Serb tidak akan mengganas lagi selepas pembentukan negara itu. Oleh itu, masyarakat antarabangsa mestilah bertegas dalam menjamin keutuhan, kedaulatan dan kemerdekaan wilayah di Bosnia-Herzegovina.

Malaysia juga tetap dengan pendiriannya bahawa sekatan senjata yang dikenakan ke atas Bosnia-Herzegovina adalah tidak adil dan munasabah dan seharusnya ditarik balik. Penarikan balik sekatan ini akan membantu memperbaiki imbalan kuasa yang sekarang ini lebih memihak kepada puak Serb dan juga akan membolehkan kerajaan Bosnia-Herzegovina mempertahankan kedaulatannya.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah Malaysia dan OIC dapat membantu memperkukuhkan ketenteraan kerajaan

Bosnia selepas proses damai kelak bagi memastikan ia dapat bertahan daripada sebarang ancaman puak Serb pada masa akan datang?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini bahawa usaha Kerajaan Malaysia menerusi OIC dan juga satu pertubuhan ‘contact group’ adalah merupakan satu badan AMG atau ‘mobilisation group’ yang telah ditubuhkan selepas pertemuan di Kuala Lumpur dan ini ialah satu cara kita untuk memberi sokongan dan dorongan dalam pembangunan Bosnia-Herzegovina selepas pencapaian kedamaian, dan menerusi pergerakan itu mengambil langkah untuk memberi sumbangan humanitarian dan economic dan juga pertolongan dari segi pertahanan menerusi NATO.

Negara kita juga memberi sokongan kepada pertubuhan yang telah ditubuhkan oleh NATO untuk melaksanakan kedamaian dalam ‘persetujuan kedamaian’ atau ‘peace agreement’ Bosnia-Herzegovina ini dan Malaysia telah memberi persetujuan untuk memberi sokongan dari segi pegawai dan ketenteraan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak akhir-akhir ini nampaknya peranan PBB semakin pudar. Kita telah banyak mendengar usaha damai yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu seperti Amerika dan juga NATO, tetapi siapakah sebenarnya yang diberi mandat untuk mengetuai usaha damai dan apakah peranan Malaysia dalam hal ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa usaha damai sekarang berjalan di bawah usaha United States atau Amerika Syarikat dan ini adalah dalam proses, mulai daripada 1hb. November lalu. Dan perjalanan proses itu kita merasai adalah langkah-langkah yang menggalakkan. Walaupun

dua tiga persetujuan telah dicapai, tetapi masih usaha-usaha dari segi untuk menyelesaikan wilayah dan berbagai perkara yang terbabit untuk mencapai kedamaian itu.

PERSATUAN BELIA - BANTUAN MENGATASI MASALAH

2. **Dato' Yap Pian Hon** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah persatuan yang telah didaftarkan sebagai persatuan belia. Dalam rekod kementerian:

- (a) adakah persatuan ini aktif dan berfungsi serta menjalankan aktiviti-aktiviti yang memanfaatkan golongan belia;
- (b) apakah pandangan dan reaksi kementerian terhadap persatuan-persatuan belia yang sedia wujud; dan
- (c) apakah kemudahan dan bantuan yang dapat kementerian berikan serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi sebarang kelemahan pergerakan belia itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul

Jalil]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Persatuan-persatuan belia yang berdaftar sehingga kini ialah 9,000 buah termasuk persatuan-persatuan di semua peringkat iaitu Kebangsaan, Negeri, Daerah, Mukim dan Kampung-kampung dan persatuan-persatuan ini berfungsi di dalam menjalankan pelbagai aktiviti mengikut keperluan dan isu-isu semasa dan setempat;
- (b) pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui jabatan-jabatan di peringkat negeri dan daerah sentiasa membantu ke arah meningkatkan prestasi pembangunan persatuan-persatuan yang telah sedia ada dengan menggerak cergaskan berbagai-bagai aktiviti, pendaftaran ahli-ahli baru dan penubuhan cawangan-cawangan baru;

- (c) beberapa kemudahan atau bantuan-bantuan yang diberikan oleh kementerian kepada persatuan-persatuan termasuklah:-
- (i) Bantuan-bantuan tahunan pelaksanaan pentadbiran persatuan;
 - (ii) bantuan pelaksanaan program-program atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan persatuan itu;
 - (iii) kursus-kursus, konvensyen, seminar dan bengkel-bengkel kepada pemimpin-pemimpin tertinggi di peringkat persatuan yang berkaitan dengan kepimpinan keorganisasian dan modul program; dan
 - (iv) skim-skim lawatan atau seminar di peringkat antarabangsa sebagai insentif kepada pemimpin-pemimpin yang aktif.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, lebih kurang 50% daripada kelab-kelab yang telah ditubuhkan ini telah pun menghadapi permasalahan dan ada sebahagiannya telah pun dibatalkan.

Jadi, saya ingin tahu, adakah kementerian Yang Berhormat menubuhkan satu unit pemulihan, gunanya untuk memberikan perkhidmatan kepada kelab-kelab yang telah dibatalkan pendaftarannya ataupun yang didapati lemah pentadbirannya? Dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan peruntukan yang disediakan oleh kementerian itu, yang disalurkan kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan Daerah, separuhnya tidak sampai ke kelab-kelab di kampung-kampung dan juga daerah?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya pihak kementerian begitu mengharapkan bahawa semua pemimpin persatuan-persatuan mestilah

lebih mengetahui tentang perlembagaan persatuan masing-masing dan undang-undang yang mengaitkan semua persatuan. Maka, sepatutnya mereka tahu hala cara tiap-tiap persatuan.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kita telah mendapat, dengan izin, feedback bahawa ada banyak di antara persatuan ini tidak menjalankan tugas mereka dengan baik mengikut undang-undang, maka kementerian telah pun menganjurkan beberapa kursus di pihak negeri, daerah dan mukim supaya pemimpin-pemimpin ini lebih mengetahui tentang tugas dan tanggungjawab mereka.

Pihak kementerian telah pun mewujudkan satu jawatankuasa di mana jawatankuasa dikehendaki mengkaji semua masalah termasuklah masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan apabila satu laporan telah disediakan, insya-Allah, kita akan mengambil tindakan selanjutnya.

Tentang saluran peruntukan yang diberi oleh kementerian kepada persatuan-persatuan ini, ada juga kita mendapat laporan bahawa ada setengah daripada peruntukan kita tidak sampai ke kumpulan sasaran. Walau bagaimanapun, tindakan yang sewajarnya telah pun dan akan diambil oleh pihak kementerian.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan belia ini kerana sekarang ini kita sudah ada Program Rakan Muda yang kita difahamkan juga ada diadakan peruntukan. Jadi, adakah peruntukan yang disediakan kepada persatuan-persatuan belia ini masih diteruskan ataupun akan dipotong dan disalurkan pula kepada Program Rakan Muda?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diagihkan kepada Majlis Belia Malaysia misal kata dan semua persatuan-persatuan lain adalah

peruntukan yang berasingan daripada peruntukan yang disediakan untuk semua Program Rakan Muda.

BEKALAN/STOK BERAS NEGARA - LANGKAH JAMINAN KERAJAAN

3. **Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) apakah jenis-jenis bahan makanan yang didapati pengeluaran dan stoknya berkurangan di peringkat dunia;
- (b) apakah beras juga termasuk sebagai bahan makanan yang berada pada tahap yang kritikal di peringkat dunia dan negara; dan
- (c) apakah langkah dan tindakan kerajaan bagi memastikan bekalan dan stok beras negara berada di tahap yang tidak akan menjejaskan keselamatan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut kajian oleh Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO), kedudukan pengeluaran dan stok bekalan bagi hampir semua jenis bahan makanan di peringkat dunia bagi tahun 1993-1994 sama ada dari segi jenis bijiran, minuman, kekacang, lemak dan minyak dan lain-lain tanaman adalah stabil, kecuali bagi sebahagian bijiran terutamanya beras dan gandum, hasil ternakan dan perikanan laut dalam yang mengalami sedikit pengurangan dari segi pengeluaran dan stok.
- (b) Pengeluaran beras dunia dalam tahun-tahun kebelakangan ini sememangnya jatuh sedikit iaitu sebanyak 343 juta tan dalam tahun 1994, manakala penggunaan beras dalam masa yang sama pula telah meningkat sedikit iaitu sebanyak 353 juta tan. Namun
demikian, kekurangan bekalan beras peringkat dunia belum berada di tahap

yang kritikal dan dijangka bersifat sementara sahaja akibat keadaan cuaca yang tidak begitu baik, kemarau dan serangan penyakit.

Sementara itu, di peringkat Malaysia pula, pengeluaran beras negara telah menunjukkan tren yang meningkat sejak tahun 1990 iaitu daripada 1.20 juta tan dalam tahun 1990 kepada hampir 1.4 juta tan dalam tahun 1994. Penggunaan beras negara dalam tahun berkenaan dianggarkan sebanyak 1.6 juta tan.

- (c) Bagi memastikan bekalan stok beras negara berada pada tahap yang selamat, kementerian saya telah mengambil tindakan dari segi meningkatkan pengeluaran beras negara di samping memastikan stok beras negara berada pada tahap yang memuaskan.

Untuk meningkatkan pengeluaran beras, pendekatan bersepadu oleh agensi-agensi kementerian akan dijalankan termasuk memperbaiki pembangunan prasarana khususnya kemudahan pengairan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) terutama dalam penambahbaikan benih padi bermutu tinggi, perkhidmatan pengembangan dan pembangunan sumber manusia yang tersusun, pengurusan dan mekanisasi ladang yang lebih intensif dan pengurusan lepas-tuai yang lebih cekap.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan tambahan. Sungguhpun pengeluaran beras tidak berada di peringkat yang kritikal, tetapi pengeluaran hasil pertanian ini pada kadar yang rendah kalau dibandingkan dengan kadar pertumbuhan penduduk.

Jadi, keperluan makanan adalah terlalu tinggi. Kita dapati, kebanyakan orang luar bandar selalunya makan nasi tiga kali sehari, termasuk Yang Berhormat dari Pokok Sena, sekurang-kurangnya tiga kali sehari. *[Ketawa]*

Jadi, untuk menjamin supaya bekalan beras ini mencukupi, sesuai dengan pertumbuhan penduduk, adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan kempen mengurangkan bilangan makan nasi sehari dan mengadakan pilihan makanan yang lain?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, tahap proses pengeluaran padi sekarang ini kerajaan telah menetapkan lebih kurang 65%. Walaupun tahap pengeluaran padi adalah 65%, kita masih lagi dapat mengekalkan lebih kurang 80%.

Dengan lain kata, kita sedang mencari jalan untuk menambahkan pengeluaran padi dan beras dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak tahulah Pokok Sena makan tiga kali. Mungkin yang di Larut pun dua kali sahaja. *[Ketawa]* Mungkin kita akan mengadakan kempen-kempen macam itulah, untuk makluman Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini kita tahu bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara memainkan peranan dan sedikit hari lagi akan menjadi BERNAS. Persoalan saya, bolehkah Kementerian Pertanian memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang kedudukan BERNAS sekarang ini dari segi ekuiti dan juga keupayaan mereka untuk keperluan beras negara?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah berkaitan dengan kementerian yang lain. *[Ketawa]*

PASPORT ANTARABANGSA - LANGKAH MEMPROSES PERMOHONAN PASPORT GANTI

4. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang biasanya diambil oleh pegawai imigresen apabila memproses permohonan pasport antarabangsa yang dikemukakan oleh pemohon-pemohon

- (a) pasport antarabangsa hilang kerana rompakan;
- (b) pasport antarabangsa basah kerana kawasan rumah pemohon-pemohon banjir; dan
- (c) pasport antarabangsa terbakar dalam kebakaran.

Dalam semua kes tersebut di atas, laporan polis telah dibuat oleh pemohon-pemohon tetapi biasanya proses mendapatkan pasport baru sangat lama. Diminta memberi penjelasan berkaitan dengan masalah tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Permohonan bagi mendapat pasport antarabangsa yang baru setelah hilang kerana rompakan ditimbang berdasarkan siasatan dari keterangan yang diberi oleh pemohon serta laporan polis. Siasatan dibuat bagi memastikan kesahihan kehilangan pasport tersebut. Sekiranya terbukti kehilangan disebabkan rompakan, maka permohonan akan diluluskan dalam tempoh kira-kira dua bulan.
- (b) Bagi permohonan pasport antarabangsa yang rosak kerana banjir, ianya dianggap sebagai pasport rosak selepas dipastikan oleh Jabatan Imigresen. Permohonan akan diproses dan pasport baru akan diluluskan dalam tempoh kira-kira satu bulan.
- (c) Pasport yang terbakar dalam kebakaran akan diproses dan diluluskan dengan pasport gantian dalam tempoh kira-kira satu bulan juga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh permohonan pasport diluluskan bergantung kepada kerjasama dan maklumat yang diberi oleh pemohon kepada pegawai

imigresen yang membuat siasatan. Sekiranya terdapat bukti kesahihan permohonan, maka pasport baru sepatutnya akan diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan.

Datuk Ahmad Zahid Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sesuatu pasport yang hilang yang digantikan biasanya tidak diberikan mengikut tempoh 5 tahun sebagaimana biasa. Ia ada tahap-tahap tertentu, setahun, mungkin selepas itu dua tahun dan sebagainya. Apakah rasional di sebalik pemberian tempoh yang pendek berkenaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala ada gantian dengan diberikan tempoh bermula dengan satu tahun, diikuti dengan dua tahun dan dua tahun lagi supaya genap 5 tahun. Ini adalah untuk kategori di mana Jabatan Imigresen merasa kehilangan itu boleh dikatakan kerana ada kecuaiian ataupun tidak dijaga dengan baik iaitu satu kehilangan yang tidak sepatutnya berlaku tetapi ianya masih berlaku, tetapi kehilangan itu adalah sah dan bukan sengaja dijual ataupun digunakan untuk maksud yang lain. Jadi, ini merupakan satu cara supaya tidak menggalakkan sangat orang menghilangkan pasport sewenang-wenangnyanya.

Kalau senang sangat mendapat gantian dengan tempoh 5 tahun atau 10 tahun, ramai orang akan hilang pasport kerana dia tidak mahu menyimpan dengan baik dan ianya bukan sahaja membebankan orang itu, tetapi dia akan membebankan Jabatan Imigresen dari segi beban kerja.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati di Ibu Pejabat Imigresen di Kuala Lumpur, ada sebuah unit yang khas untuk memproses pasport-pasport yang hilang atau rosak, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan fungsi dan kegiatan unit ini supaya dapat diketahui oleh umum.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, unit khas yang dikatakan itu sebenarnya adalah satu sub committee yang diketuai oleh Ketua Pengarah Bahagian Pasport Jabatan Imigresen untuk menjalankan tugas mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat JPN dan juga Kementerian Dalam Negeri. Maksudnya apa yang saya telah terangkan itu tadi merupakan satu garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) kepada Jabatan Imigresen dan Jawatankuasa itu perlu menjalankan tugas mengikut garis panduan ini. Mereka tidak boleh mengikut caranya sendiri, tetapi apa yang penting ialah semua pemohon yang ingin mengganti pasport itu, dia mesti memberi maklumat yang cukup. Jangan dia mengatakan “saya hilang pasport, saya hendak ganti”, tetapi tidak memberikan bukti dan tidak memberikan laporan polis dan tidak mengisi borang kehilangan, maka Jawatankuasa ini susah memproses dalam masa yang ditetapkan.

SISTEM PENDIDIKAN “AUTONOMOUS” DAN “INDEPT” - PELAKSANAAN

5. **Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Pendidikan menyatakan sekiranya kementerian berhasrat mengikut sistem pendidikan Singapura dengan mengadakan sistem persekolahan secara “Autonomous” dan “indept” di dalam negara ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan mengkaji dari semasa ke semasa beberapa sistem pendidikan di negara-negara tertentu termasuklah Singapura. Berdasarkan kepada kajian itu, Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya.

[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Michael Lisa Kaya tidak hadir]

7. **Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimana orang yang sudah menukar jantina dapat diberikan pengiktirafan secara rasminya di negara ini dan ruang jantina dalam kad pengenalan yang berkenaan dapat diperbetulkan selepas tukaran jantina.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini penukaran jantina tidak diberikan pengiktirafan rasmi oleh Jabatan Pendaftaran Negara kerana butir-butir jantina dalam kad pengenalan ataupun sijil kelahiran tidak boleh dipinda kecuali ianya merupakan satu kesilapan perkeranian atau fakta. Oleh yang demikian, kita masih belum membenarkan pertukaran jantina.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika seorang lelaki yang telah menukar jantainya tetapi tidak diiktirafkan sebagai perempuan, bagaimana mahkamah atau hakim akan membuat keputusan jika seorang - tak tahu lelaki atau perempuan sekarang, walau dari secara rasmi lelaki, tetapi secara fizikalnya perempuan, dirogol oleh seorang lelaki atau vice versa? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa soalan Yang Berhormat tadi bersabit dengan mahkamah. Kalau mahkamah itu saya rasa di luar bidang kuasa pihak kementerian.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang kita tahu, ada satu golongan manusia yang jantainya bukan lelaki atau perempuan iaitu "hemophrodite" atau intersex, dengan izin. Apabila dia hendak mendaftar di dalam kad pengenalan, macam mana kita boleh determine jantina mereka itu sama ada perempuan atau lelaki? Adakah special category untuk "hemophrodite"?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, maksud Yang Berhormat dari Lumut ialah golongan khunsa, maknanya dia bukan lelaki dan bukan perempuan. Sebenarnya pada masa

kini kerajaan boleh menimbang orang yang berada di dalam kategori khunsa ini untuk disahkan terlebih dahulu oleh doktor yang layak bahawa seseorang itu memang khunsa dan hasratnya hendak meminda atau hendak memastikan menjadi lelaki ataupun perempuan dengan pengesahan laporan kesihatan dengan permohonan terlebih dahulu kepada Jabatan Pendaftaran Negara barulah satu pertimbangan boleh diadakan.

Tetapi bagi mereka, dia sudah membuat di mana kita tidak tahu, dia kemudian mengatakan “dahulu saya perempuan, sekarang saya lelaki” atau sebaliknya, susah untuk diluluskan. Kalau kita benarkan cara itu, saya rasa kucar-kacir nanti. Semuanya sudah tidak menentu.

SISTEM DEPOSITORI PUSAT - MASALAH

8. **Tuan Ho Cheong Sing** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa terdapat masalah yang timbul di dalam pasaran saham selepas penggunaan sistem CDS; dan bolehkah “CDS script” digunakan sebagai sokongan untuk membuat pinjaman dari bank:

- (a) sama ada kementerian sedar bahawa jumlah bayaran yang dikenakan bagi setiap deposit pembahagian saham dengan CDS adalah terlalu tinggi, terutama kepada pembeli saham; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menghilangkan keraguan pelabur-pelabur.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Sistem Depositori Pusat (SDP) tidak seharusnya menimbulkan masalah kepada pasaran saham negara kerana ia diwujudkan dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan dan memudahkan urusan di pasaran saham.

Sejak diperkenalkan pada penghujung tahun 1992, pihak Malaysian Central Depository (MCD) tidak menghadapi apa-apa masalah besar dalam pelaksanaannya. Saham

dalam SDP memang boleh dicagarkan dan pihak MCD telah menyediakan kaedah-kaedah tertentu untuk membolehkan saham-saham ini dicagarkan dengan bank-bank bagi tujuan pinjaman.

Mengenai yuran deposit yang dikenakan ke atas sijil saham, kadar yuran sebanyak RM5 yang dikenakan sekarang adalah berpatutan jikalau dibandingkan di Singapura ianya adalah S\$10. Yuran ini hanya dikenakan kepada pemegang sijil saham dan tidak kepada pembeli saham.

Bagi menjelaskan kepada orang ramai mengenai sistem SDP, pihak BSKL melalui anak syarikatnya iaitu MCD telah menjalankan kempen publisiti mengenai SDP yang ditujukan kepada pelabur-pelabur syarikat-syarikat yang tersenarai serta orang ramai melalui media massa, risalah-risalah, road-show dan perjumpaan-perjumpaan khusus serta majlis-majlis taklimat bagi kumpulan-kumpulan tertentu seperti wartawan-wartawan akhbar, pegawai sektor awam, setiausaha-setiausaha syarikat dan sebagainya.

MCD yang juga menyediakan Meja Bantuan ataupun dengan izin, Help Desk, yang bertujuan menjawab sebarang kemusykilan daripada mana-mana pihak memberi taklimat kepada semua syarikat yang dimasukkan ke dalam SDP. Dalam pada itu, kesemua firma broker saham mempunyai satu seksyen khusus untuk SDP yang menjalankan semua aktiviti SDP termasuk menjawab pertanyaan-pertanyaan semua pelanggannya.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa remiser di Singapura enggan memberi kerjasama dalam perniagaan stock Malaysia dalam sistem CDS dan ini telah menjadi satu faktor kejatuhan harga-harga saham di Malaysia?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan ini adalah tidak benar kerana walaupun CLOB iaitu satu kaunter di Singapura untuk memperniagakan

kaunter-kaunter Malaysia mempunyai masalah, tetapi sekarang sekurang-kurangnya 14 syarikat Singapura itu telah pun disesuaikan dengan sistem SDP kita. Jadi, soal remiser di Singapura mempunyai masalah tidak timbul kerana pihak di Singapura telah pun mengatasi masalah ini melalui Stock Exchange of Singapore.

Walau pun Malaysia tidak mengiktirafkan CLOB tetapi CLOB telah pun menyesuaikan dirinya untuk mengadaptasikan kepada Sistem Depositori Pusat yang diadakan sekarang ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri telah menerangkan sistem pengurusan urusniaga saham melalui sistem scriptless. Soalan yang saya hendak tanya, walaupun telah mula dilaksanakan pada tahun 1992, bila pendekatan yang baru ini dapat diselesaikan bagi mengelakkan insiden seperti pemalsuan skrip yang kita dengar baru-baru ini seperti Genting?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, setakat ini kesemua kaunter di Papan Kedua telah pun ditukarkan (convert) kepada scriptless. Di Papan Pertama, sehingga 14hb. November ini, 269 telah pun ditukarkan dan insya-Allah pada hujung tahun 1996 yang baki 223 lagi akan dapat ditukarkan ke dalam sistem scriptless ini.

FELDA - KEBAKARAN RUMAH DAN LADANG

d9. **Tuan Yunus bin Rahmat** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan apakah langkah Felda untuk mengatasi masalah kebakaran rumah dan ladang memandangkan tiadanya pili bomba yang disediakan di semua skim Felda dan adakah penubuhan pasukan bomba sukarela diwajibkan, jika ya, adakah pengurusan Felda menyediakan peruntukan bagi melatih dan membeli peralatan mencegah kebakaran sekiranya pasukan tersebut ditubuhkan oleh jawatankuasa keselamatan dan kemajuan rancangan (JKKR).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, setelah mengambil kira aspek ekonomi, segala aspek keselamatan rumah-rumah dan ladang-ladang peneroka dan aspek perkhidmatan kemudahan serta kemampuan Jabatan Bomba, kemudahan pili bomba tidak disediakan di rancangan-rancangan Felda.

Mengambil kira kemungkinan kejadian kebakaran berlaku di rancangan-rancangan Felda, Felda telah mewujudkan Tabung Insuran Pemulihan Ladang dan Perumahan bagi tujuan pemulihan dan memberi pampasan kepada kawasan kebun dan rumah yang musnah akibat kebakaran, bencana alam dan serangan binatang liar.

Dalam hal pasukan bomba sukarela, penubuhannya memang digalakkan oleh Felda dan Felda bersedia memberi kerjasama kepada pasukan sukarela ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, adakah kementerian beliau mempunyai rekod setakat hari ini mengenai berapakah jumlah pasukan bomba sukarela telah pun ditubuhkan oleh JKRR di rancangan-rancangan dan telah adakah bentuk kerjasama yang dibuat di antara kementerian beliau dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan setakat hari ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang Felda mempunyai rekod pasukan-pasukan sukarela yang ada tetapi oleh kerana perkara ini adalah detail dan saya mohon notis dan akan beri maklumat ini secara bertulis.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA - ELAUN TEKNIKAL

10. **Dr. Yap Yit Thong** minta Menteri Pertahanan menyatakan pegawai teknikal tugas am di ketiga-tiga khidmat Angkatan Tentera menerima elaun teknikal sebanyak RM100.00 sahaja sejak dari 20 tahun yang lepas. Mereka ini juga merupakan golongan jurutera yang menerima gaji yang paling rendah jika berbanding dengan rakan mereka di jabatan kerajaan

lain. Peluang peningkatan kerjaya mereka juga terhad berbanding dengan rakan mereka dalam cawangan lain dalam tentera. Ini telah menyebabkan ramai jurutera menamatkan perkhidmatan secara pilihan. Taraf senggaraan dan pengendalian peralatan yang canggih dan mahal mungkin akan terjejas. Apakah langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk mengatasi “anomaly” perkhidmatan yang ketara ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam senarai tugas am yang memiliki kelulusan dalam bidang teknikal yang diiktiraf oleh kerajaan adalah layak dibayar elaun teknikal.

Terdapat dua kadar elaun yang dibayar bergantung kepada kelayakan iaitu RM100 sebulan bagi anggota yang mengikuti kursus teknikal selama dua tahun atau lebih dan dianugerahkan ijazah ataupun diploma. Manakala RM40 sebulan pula dibayar kepada mereka yang tempoh kursus adalah kurang daripada dua tahun.

Kementerian ini sedar bahawasanya pada kadar berkenaan yang berkuatkuasa sejak 1hb. Ogos 1972. Berikutan dengan itu, satu kajian sedang dijalankan oleh Kementerian Pertahanan untuk mengkaji semula pembayaran elaun ini serta lain-lain kemudahan anggota-anggota ATM yang mempunyai kelayakan teknikal.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. Yee Moh Chai.

[Soalan No. 11 - Y.B. Dr. Yee Moh Chai tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Lim Guan Eng tidak hadir]

KEMPEN “NATIONAL CLEAN-UP” - MELANCARKAN

13. **Tuan Lim Si Cheng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) sama ada kementerian ini akan melancarkan kempen “national clean-up” seperti yang dijalankan di beberapa buah negara untuk memupuk kesedaran mendesak untuk membersihkan alam sekitar; dan
- (b) jika tidak, apakah kempen seluruh negara akan dilancarkan untuk mencapai tujuan yang tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin

Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa mengadakan kempen-kempen kesedaran alam sekitar bagi memupuk kesedaran orang ramai terhadap pemuliharaan alam sekitar. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga terlibat secara langsung dalam program 10 tahun pembersihan Sungai Kelang dan Sungai Gombak yang sedang dilaksanakan pada masa sekarang.

Di samping itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga telah menyediakan satu deraf Pelan Tindakan Udara Bersih Bagi Malaysia. Antara lain, pelan ini mengandungi langkah-langkah tindakan undang-undang dan bukan undang-undang bagi tujuan meningkatkan lagi kualiti udara di Malaysia pada masa hadapan.

USAHAWAN BERKUALITI - PENINGKATAN JUMLAH

14. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan tentang:-

- (a) matlamat utama dan usaha kementerian;
- (b) pendekatan yang dilakukan oleh kementerian dalam meningkatkan jumlah dan kualiti usahawan golongan ini;
- (c) masalah pemasaran, kewangan dan kepakaran sering menjadi bebanan kepada usahawan bumiputera. Bagaimana seharusnya mereka mengatasi persoalan ini dan sejauh manakah kementerian berusaha membantu mengatasinya; dan

- (d) kadangkala usahawan bumiputera terlalu terkongkong dengan pemikiran yang sempit, iaitu terlalu banyak membuka perniagaan yang sama, misalnya dengan perniagaan sos dan sebagainya hingga menyebabkan barangan itu mencapai tahap di mana pasaran sos ini berlimpah dan tidak terkawal. Bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Matlamat utama Kementerian Pembangunan Usahawan ialah untuk melahirkan dan membangunkan usahawan yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing, khususnya di kalangan bumiputera, untuk memastikan matlamat MPPB dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian berusaha untuk membangunkan usahawan-usahawan yang berkualiti dan tulen dalam setiap sektor termasuk industri kecil dan sederhana, sektor-sektor strategik dan berteknologi tinggi, dan juga menggalakkan budaya keusahawanan di kalangan rakyat Malaysia sebagai teras kepada pencapaian matlamat Wawasan 2020.
- (b) Dalam usaha meningkatkan bilangan usahawan yang berkualiti, Kementerian menggunakan pendekatan yang mementingkan sasaran (target oriented) serta memberi impak yang nyata. Pihak Kementerian bertindak sebagai pemudah cara dengan memberikan kepimpinan dan inisiatif, inovasi dan runding cara, serta khidmat nasihat mengenai perkara-perkara berkaitan dasar, strategi dan program pembangunan usahawan serta pelaksanaannya. Kementerian juga bertindak sebagai pusat rujukan mengenai peluang-peluang perniagaan, hal ehwal

usahawan dan keusahawanan dan sebagainya 'clearing house' bagi projek-projek usahasama.

Menerusi peranannya sebagai pemudah cara, kementerian adalah selektif dalam pemilihan peserta bagi program-program pembangunan usahawan seperti vendor, francais, skim payung, 'mentor', latihan, kemudahan kewangan serta khidmat sokongan untuk memaastikan mereka yang terpilih menjadi usahawan tulen.

- (c) Kementerian menyedari bahawa masalah-masalah pemasaran, kewangan dan kepakaran merupakan persoalan utama bagi usahawan bumiputera. Bagi mengatasnya usahawan-usahawan bumiputera digalakkan menyertai program-program yang diatur oleh kementerian. Program-program seperti vendor, francais dan skim boleh membantu dari segi pemasarannya.

Dari segi modal pula, usahawan-usahawan tersebut boleh memohon pelbagai kemudahan-kemudahan kewangan yang disediakan menerusi agensi-agensi kementerian seperti Bank Pembangunan Malaysia, MARA dan Syarikat Jaminan Kredit Bhd. (CGC). Baru-baru ini, kementerian telah menlacarkan Skim Galakan Usahawan dengan dana permulaan RM280 juta untuk membiayai projek-projek usahasama antara usahawan-usahawan bumiputera dan bukan bumiputera. Sementara itu, kementerian telah meluluskan Skim Pembiayaan Usahawan Kecil untuk membantu peniaga-peniaga kecil dengan peruntukan sebanyak RM400 juta.

Dari segi kesedaran pula, pihak kementerian memberi penekanan kepada latihan, kepada usahawan dari peringkat-peringkat kesedaran permulaan dan peringkat perniagaan mengenai dalam aspek kewangan, pengurusan, pemasaran dan sebagainya.

- (d) Bagi mengatasi gejala pemikiran sempit, pihak kementerian akan mengenal pasti sektor-sektor strategik dan berteknologi tinggi di mana penyertaan bumiputera masih berkurangan serta bidang-bidang perniagaan baru yang boleh diceburi. Penyebaran maklumat mengenai peluang-peluang perniagaan akan disebarikan melalui seminar, bengkel kolokium, dialog dan pusat-pusat pameran seperti Dataran Usahawan Negara. Ke arah ini kementerian sedang membangunkan pengkalan data mengenai usahawan dan program-program pembangunan usahawan yang boleh dijadikan bahan rujukan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan tentang usaha kerajaan untuk pembangunan usahawan. Persoalan saya bagaimana dengan peranan ataupun sokongan dan bantuan mereka yang sudah berjaya sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera yang kejayaan mereka ini banyaknya datang daripada sokongan ataupun bantuan kerajaan. Setakat mana mereka datang ke hadapan atau come forward, dengan izin untuk membantu kerajaan bagi membangunkan usahawan-usahawan baru, terutamanya?

Tuan Idris bin Jusoh: Untuk menjawab soalan itu, kita dapati kementerian ada program 'mentor-mentee' yang mana kita sudah ada 13 syarikat 'mentor' yang akan memberi

didikan dan bimbingan. Sekarang sudah ada 52 syarikat mentee dan program ini sedang dimantapkan dari masa ke semasa untuk memberi bimbingan kepada syarikat-syarikat kecil.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyentuh tentang Dataran Usahawan Negara, adakah program ini hendak diperluaskan ke bandar-bandar besar di setiap negeri di seluruh negara ini supaya bertindak sebagai super-market?

Tuan Idris bin Jusoh: Pada masa ini belum ada cadangan lagi.

PENDERAAN/PENGANIAYAAN/LAYANAN PERIKEMANUSIAAN PEKERJA ASING DI PUSAT TAHANAN- DAKWAAN

15. **Dr. Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan sebenar dakwaan penderaan, penganiayaan dan layanan tidak berperikemanusiaan yang didakwa telah dilakukan ke atas pekerja-pekerja asing di pusat-pusat tahanan di negara ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menyiasat mengenai dakwaan penderaan dan penganiayaan terhadap pendatang tanpa izin di depot-depot imigresen di negara ini. Laporan hasil siasatan dijangka akan dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut kepada Menteri Dalam Negeri tidak berapa lama lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada berlakunya penderaan dan penganiayaan ada kaitan dengan kes-kes.....

Beberapa Ahli: *[Mengganggu]*

Tuan Lim Guan Eng: banyak gangguan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Kacau-bilau yang berlaku! Adakah beliau sedar bahawa kaitan dengan dakwaan penderaan, ada berkaitan dengan kegagalan beberapa pihak yang membawa masuk pekerja-pekerja asing, gagal menunaikan tanggungjawab ke atas pihak Kementerian Dalam Negeri. Sepertimana satu dakwaan di mana “six million dollar man” (Tajuddin Rahman), adakah benar beliau berhutang sebanyak RM9 juta kerana gagal membayar RM600 untuk setiap tiga orang pekerja yang dibawa masuk, dia mesti hantar balik seorang pekerja, tetapi beliau gagal berbuat demikian? Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian ke atas kegagalan six million dollar man ini untuk membayar RM9 million?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa soalan Yang Berhormat ini agak terkeluar dari soalan asal.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, ini ada kaitan. Saya ingin bertanya sama ada ini ada kaitan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Walaupun pekerja asing, tetapi “six million dollar man” itu, saya rasa tidak ada kena-mengena.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, kalau “six million dollar man” tidak kena, saya akan kata Tajuddin Rahman sahaja, bukan “six million dollar man.”

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya sudah membuat keputusan Yang Berhormat. Kubang Kerian.

Tuan Lim Guan Eng: Dia hendak jawab!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dahulu semasa saya ditahan di Kem Kamunting, saya tinggal dengan seorang pegawai imigresen yang ditahan kerana terlibat dalam pemalsuan pasport dan kad pengenalan. Dalam perbualannya dengan saya, beliau selalu menceritakan bagaimana dia dan kawan-kawannya mendapat khidmat seks

kepada pelarian-pelarian ataupun orang-orang yang masuk secara haram daripada Filipina dan sebagainya, dia telah pun confessed dengan pihak polis mengenai dia mendapat khidmat seks sebelum pendatang dihantar balik ke negeri mereka. Apakah langkah kerajaan untuk menghalang benda-benda seperti ini, kerana baru-baru ini berlaku pula di Melaka di mana pegawai imigresen sekali lagi terlibat dalam mendapatkan seks dahulu sebelum mereka dihantar pendatang asing balik ke negeri Filipina atau Indonesia, apakah langkah kementerian supaya dapat didisplinkan pegawai-pegawai kita?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ialah kita bincang mengenai depot-depot imigresen dan pendatang tanpa izin telah ditangkap masuk ke dalam dan sama ada dakwaan itu benar atau tidak. Saya tidak nampak apa kaitan dengan 'seks' ini ataupun 'Kamunting' lagipun perkara Kamunting itu berlaku dalam tahun 1987 semasa Yang Berhormat berada di situ - sudah lamalah.

KERTAS TANDAS - LARANGAN PENGGUNAAN OLEH PENGUSAHA GERAI MAKANAN

16. **Tuan Md. Isa bin Sabu** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha yang telah dijalankan bagi menghapuskan penggunaan 'kertas tandas' oleh pengusaha-pengusaha gerai makanan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1991, beberapa penguasa tempatan telah mengeluarkan arahan bertulis untuk melarang penggunaan 'kertas tandas' oleh pengusaha-pengusaha gerai makan. Arahan ini masih berkuatkuasa di dalam syarat pelesenan oleh pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Kuantan.

Kedua, selain dari arahan seperti di atas, pihak Kementerian Kesihatan sedang menyiapkan draf akhir Kod Amali Makanan Penjaja yang melarang penggunaan 'kertas tandas'. Seksyen 8, perkara 8.3 di dalam kod tersebut menjelaskan:

8.3. “Semua alat mencuci dan mengesat tangan seperti kertas tisu hendaklah dari jenis ‘pakai buang’ (disposable). Penggunaan kertas tandas adalah dilarang untuk tujuan tersebut.”

Ketiga, pihak berkuasa tempatan telah juga memberi nasihat dan amaran kepada pengusaha mengenai larangan ini. Tindakan mengkompaun telah diambil ke atas pengusaha yang gagal mematuhi arahan tersebut.

Keempat, adalah didapati sejak dari tahun 1993, amalan menggunakan ‘kertas tandas ini semakin berkurangan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah memasukkan ‘larangan penggunaan kertas tandas’ ini di dalam draf Peraturan Kebersihan Makanan’ yang sedang di peringkat akhir bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang bagi pihak berkuasa tempatan yang sedia ada.

Dengan peruntukan undang-undang adalah diharapkan amalan sebegini akan dapat diberhentikan sama sekali.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau penggunaan kertas tandas diharamkan oleh pengusaha-pengusaha gerai makanan, adakah peraturan yang sama akan dikenakan ke atas hospital-hospital kerana saya pernah nampak bahawa kertas yang sedemikian digunakan. Kalau begitu saya harap pihak kementerian boleh consistent memastikan bahawa hospital-hospital kerajaan juga mengamalkan peraturan yang sama.

Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Bila kita buat peraturan, bererti semua kena mematuhi. Ya, Yang Berhormat!

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong jelaskan bilakah peraturan yang berkenaan akan

dilaksanakan? Sebelum dilaksanakan apakah persediaan pendekatan kementerian untuk menyedarkan pengusaha-pengusaha makanan ini supaya menghentikan daripada mengguna kertas tandas?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini belum dikuatkuasakan kerana seperti yang saya maklumkan dalam proses draf. Tetapi tindakan daripada pihak berkuasa telah pun dijalankan cumanya ini merupakan persoalan yang berkaitan dengan sikap bertanggungjawab dan keprihatinan menggunakan perkakas untuk tujuan yang sebenar. Jadi, perkara ini selain daripada tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa tempatan, juga merupakan tanggungjawab bersama seperti oleh pengusaha kerana memandangkan negara kita satu negara yang maju. Jadi, malulah kalau satu alat yang digunakan untuk tujuan lain tetapi digunakan pula untuk tujuan yang satu lagi. Jadi, sebab itulah kita terpaksa membuat peraturan seperti larangan penggunaan kertas tandas ini dalam draf peraturan kebersihan makanan yang, insya Allah akan siap dan akan dijadikan undang-undang dengan tujuan supaya dapat dihapuskan sama sekali.

GIMNASIUM RAKYAT - BILANGAN

17. **Tuan Noh bin Omar** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:
- (a) bilangan gimnasium rakyat yang telah diwujudkan di negara ini;
 - (b) adakah gimnasium rakyat ini telah mendatangkan munafaat dan digunakan sepenuhnya oleh rakyat sepertimana yang telah dirancangkan; dan
 - (c) adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi bilangan gimnasium rakyat di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan gimnasium rakyat yang sedia wujud di seluruh negara adalah sebanyak 45 buah.
- (b) Penubuhan gimnasium rakyat telah memberi manfaat kepada rakyat terutama dari golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah serta dapat mempertingkatkan tahap kecergasan dan kesihatan mereka di samping menghindarkan dari gejala kurang sihat seperti dadah dan sebagainya.

Semua jenis gimnasium rakyat yang ditubuhkan telah digunakan oleh masyarakat setempat dari semua golongan kaum dengan membuat latihan kecergasan mereka secara teratur dan sistematik dan menggunakan peralatan yang canggih dan moden di bawah bimbingan jurulatih yang bertauliah.

- (c) Kementerian sedang merancang untuk menubuhkan bilangan gimnasium rakyat di seluruh negara iaitu sebanyak 100 buah lagi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh supaya sekurang-kurangnya setiap daerah mempunyai sebuah gimnasium rakyat.

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL - NAIK TARAF SEBAGAI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK

18. **Tuan Haji Mustafa bin Muda** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kementerian hendak mewujudkan sekolah-sekolah vokasional yang ada sekarang ini hendak dijadikan sekolah-sekolah teknik di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, mulai bulan Disember 1995 sehingga 1998 Kementerian Pendidikan akan melaksanakan proses menaikkan taraf Sekolah Menengah Vokasional (SMV) menjadi Sekolah Menengah Teknik. Proses ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setelah sekolah vokasional ini dinaikkan taraf kepada sekolah teknik, apakah akan jadi kepada kurikulum vokasional yang diajar sekarang sebab saya diberi tahu bahawa pelajar-pelajar lulusan vokasional ini ada juga tempatnya di pasaran buruh. Apakah kerajaan akan sama sekali menghapuskan pendidikan vokasional setelah dinaikkan taraf?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kementerian Pendidikan menaikkan taraf semua Sekolah Menengah Vokasional untuk menjadikan Sekolah Menengah Teknik ialah untuk menaikkan imej dan taraf profesion teknik itu. Dengan menaikkan taraf sekolah-sekolah yang telah dijadikan Sekolah Menengah Teknik, bukan sahaja akan memperkenalkan kursus-kursus teknik tetapi juga akan memperkenalkan mata-mata pelajaran yang meliputi teori juga. Dengan itu pelajar-pelajar yang akan keluar daripada sekolah itu tidak menjadikan mereka sebagai 'drop-out' sahaja. Kita mahu menaikkan imej sekolah-sekolah itu supaya ia boleh menarik pelajar-pelajar yang telah mendapat keputusan-keputusan yang cemerlang di peperiksaan UPSR untuk mengikuti sekolah-sekolah tersebut juga.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah syarat kemasukan pelajar-pelajar itu diubah apabila perubahan ini berlaku? Adakah syaratnya ditingkatkan lagi? Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Memanglah apabila sekolah itu dinaikkan taraf dan apabila sekolah itu menerima permohonan-permohonan yang lebih ramai, jadi, sekolah tersebut akan menggunakan satu kriteria, kita harap yang lebih tinggi, untuk menentukan kualiti pelajar-pelajar itu dan juga untuk menentukan bahawa sekolah itu akan mengeluarkan

graduate-graduate atau pelajar-pelajar yang keluar dari sekolah itu mempunyai latar belakang dari segi teori dan dari segi praktikal yang sesuai memenuhi hasrat negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tuan Robert Lau Hoi Chew.

[Soalan No. 19 - Y. B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir]

PENSWASTAAN TANAH RANCANGAN - CADANGAN

20 **Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar memaklumkan sama ada terdapat rancangan untuk menswastakan tanah-tanah rancangan seperti KEJORA, FELDA dan sebagainya supaya selari dengan konsep penswastaaan semua agensi lain di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menswastakan tanah-tanah rancangan seperti mana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat.

TEMPOH PENGAJIAN IJAZAH - MENGURANGKAN

21. **Tuan Chia Kwang Chye** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai keputusan kementerian untuk mengurangkan tempoh masa kursus ijazah sarjana muda dari 4 tahun kepada 3 tahun supaya lebih ramai siswazah dapat dikeluarkan dalam masa yang lebih singkat:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menjamin bahawa mutu dan standard pengajian tinggi adalah dikekalkan;
- (b) berkaitan dengan ini, adakah kementerian telah menjalankan kajian terperinci mengenai cadangan menurunkan umur kemasukan sekolah rendah dari 7 tahun kepada 6 tahun;
- (c) adakah kementerian telah menjalankan kajian terperinci mengenai cadangan mengurangkan jumlah masa bagi pengajian di peringkat rendah atau menengah; dan

- (d) jika ya, apakah anggaran bilangan tenaga kerja muda yang akan dihasilkan pada masa depan sekiranya cadangan-cadangan di atas dilaksanakan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kualiti pendidikan merupakan isu yang diberi keutamaan dalam mengadakan perubahan-perubahan berkaitan sistem pendidikan. Bagi menjamin mutu dan standard pengajian tinggi, Kementerian Pendidikan telah meminta semua institusi pengajian tinggi mengemukakan perancangan dan pelan tindakan bagi melaksanakan cadangan mendekati tempoh pengajian ijazah pertama. Perkara ini seterusnya akan dibincangkan lagi di peringkat tertinggi Kementerian Pendidikan dan IPT sebelum dilaksanakan.
- (b) mengikut peraturan yang ada, umur kanak-kanak diterima memasuki sekolah rendah ialah 6 tahun dan bukannya 7 tahun. Buat masa ini Kementerian Pendidikan tidak mempunyai cadangan untuk menurunkan had umur tersebut.
- (c) Kementerian Pendidikan tidak mempunyai cadangan untuk mengurangkan tempoh pengajian peringkat rendah dan menengah.
- (d) Anggaran bilangan tenaga kerja yang akan dihasilkan pada masa depan adalah salah satu perkara yang diambil kira dalam perancangan dan pelan tindakan pelaksanaan cadangan mendekati tempoh pengajian ijazah pertama yang sedang disediakan oleh semua institusi pengajian tinggi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ada setengah-setengah kursus di universiti boleh dikemas kini, kerana ada setengah-setengahnya warisan daripada zaman dahulu lagi. Ini bermakna kita mesti mengubahsuaikan diri untuk menyahut ‘wawasan 2021’.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. Tan Seng Giaw: 2020 ada kena-mengena dengan DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa soalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu DAP punya. Tuan Yang di-Pertua, saya tak bermula, saya hendak cadangkan sahaja, tetapi dia kata 2020. 2020 ada kena-mengena dengan DAP. Kalau tidak ada DAP.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:.....macam mana ada 2020. Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat jangan ambil kesempatan untuk berucap. Soal sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tanya soalan, tetapi ada gangguan, macam mana boleh saya buat.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan butiran mengenai, (a) langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menjamin mutu dan untuk memendekkan kursus. Apakah kursus yang dipendekkan, butirannya? Saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan itu dihadkan kepada satu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini satu soalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, soalan tambahan. Itu yang saya maksudkan, satu sahaja. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ialah seorang pakar kulit. Jadi, kita hormati profesion itu. Dalam proses ini kita fahami bahawa pendidikan perubatan tidak boleh kita pendekkan. Jadi, kita tidak akan ubah.

Tetapi kursus-kursus yang lain, seperti kejuruteraan, undang-undang dan sebagainya, Kementerian Pendidikan mencadangkan bahawa universiti-universiti tempatan mengkaji semula kursus tersebut untuk mendekatkan kursus itu dari 4 tahun ke 3 tahun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Memandangkan 4 tahun dipendekkan kepada 3 tahun, maka pelajar-pelajar ini terpaksa tumpu sepenuhnya dalam bidang pelajaran dan mereka menjadi seperti 'book worm'. Oleh itu, penglibatan mereka dalam bidang sosial dan gerak masyarakat tidak dapat mereka buat, tidak seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dapat buat semasa mereka di universiti dahulu. Jadi, bagaimanakah kita hendak mengseimbangkan supaya mereka dapat belajar dengan baik dan pada masa yang sama pelajar juga diberi kebebasan untuk terlibat dalam gerakan sosial dan juga gerakan khidmat masyarakat?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu juga faham bahawa seorang pelajar yang memasuki institusi pendidikan tinggi tugas utamanya ialah menyempurnakan pendidikannya, latar belakang pendidikannya, ilmu dan sebagainya. Jadi, universiti tempatan tidak menggalakkan mewujudkan

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan mencelah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn:.....satu daya menghormati ilmu pengetahuan dan sebagainya. Kita galakkan pelajar-pelajar itu memberi keutamaan. Kementerian Pendidikan faham bahawa pelajar-pelajar kita juga harus digalakkan untuk aktiviti-aktiviti sosial berdialog dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuklah Yang Berhormat dari pembangkang dan sebagainya, itu kita tidak tahan. Jadi, kita akan tentukan bahawa universiti-universiti tempatan akan keluar pelajar-pelajar yang sempurna.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 11, 12, 19 dan No. 22 hingga 32 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak].

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dan Anggaran Pembangunan 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Pertama]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Setiausaha Parlimen Kementerian Menteri Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM29,273,931, yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1996 di bawah Maksud-maksud Bekalan B.1 hingga B.53 bagi kementerian-kementerian, jabatan-jabatan berkenaan dijadikan jadual. Dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM14,200,368,500 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1996 di

bawah Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.8, P.14, P.16 hingga P.28, P.31, P.32, P.34 hingga P.37, P.39, P.40 dan P.42 hingga P.54 bagi kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, seperti ditunjukkan dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1996 dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23, Tahun 1995 menjadikan Anggaran Perbelanjaan.

Saya tidak berhajat untuk berikan ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini, oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah pun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan itu dalam ucapan Belanjawan beliau pada 27hb. Oktober 1995 yang lalu. Di samping itu, penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan ini boleh juga didapati dalam penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22, Tahun 1995.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 [Jadual] -
Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan, 1996] -**

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.1 hingga B.13 serta Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan sekarang. Tanjong.

3.37 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya sebut Maksud Bekalan 8.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat berucap, suka saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan berbahas nanti, masa tetap dihadkan kepada 10 minit seorang.

Tuan Lim Kit Siang: 10 minit?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, tadi saya sudah buat pemasyhoran.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, ini kali pertama dalam sejarah Parlimen. Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bukan sahaja untuk Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Jabatan Perdana Menteri lebih mustahak daripada lain-lain kementerian. Bolehkah untuk JPM ada.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat, sebab pemasyhuran telah pun dibuat sebelum Yang Berhormat masuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ini retrogresif, Parlimen lebih banyak majoriti Barisan Nasional lebih dahsyat, lebih tidak demokratik. Baiklah. JPM, Maksud B.8. Jabatan-jabatan Perkhidmatan Awam adalah untuk memastikan bahawa 800,000 kakitangan kerajaan negara ini melaksanakan objektif kerajaan dengan penuh efisien dan adil. Untuk mencapai matlamat ini, JPM mesti memastikan bahawa kakitangan kerajaan semua peringkat mempunyai komitmen dan nilai yang sewajarnya untuk menjadi teladan kepada rakyat jelata sebagai contoh mendukung prinsip Rukun Negara. Maka apabila kakitangan kerajaan berperangai buruk, seperti merosakkan prinsip Rukun Negara, tindakan yang tegas harus diambil terhadap mereka untuk dijadikan tauladan kepada 800,000 kakitangan kerajaan negara ini.

Pagi ini satu insiden sebegini telah berlaku di Taman Aman, P.J. Ketua Penolong Pegawai Daerah Petaling, Nasir Khan secara terang-terangnya menentang prinsip Rukun Negara dan undang-undang negara sehingga menghina perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh Presiden Mahkamah Rayuan, Dato' Lamin Haji Yunus yang mengeluarkan perintah berkenaan semalam menghalang mana-mana pihak dari merobohkan rumah-rumah setinggan di Taman Aman sehinggalah perbincangan diadakan Jumaat 24hb. November. Ketua Penolong Pegawai Daerah Petaling, Nasir Khan telah memimpin satu pasukan peroboh yang ditemani oleh sepasukan polis P.J. dan FRU untuk meneruskan kerja-kerja perobohan di kawasan setinggan Taman Aman di P.J. Beliau telah ditunjukkan satu salinan injunction Mahkamah Rayuan, tetapi enggan mematuhi surat perintah tersebut dan tidak memberhentikan kerja-kerja perobohan sehingga beliau menerima teguran dari Pejabat Undang-undang Negeri Selangor. Tetapi pada masa itu, lima rumah di kawasan berkenaan serta sebuah dewan rakyat telah pun dirobohkan.

Nasir Khan sudah sedar tentang akibat tindakan beliau kerana peguam para peneroka bandar di kawasan berkenaan telah memberi amaran kepadanya yang mengingatkan bahawa tindakan yang tidak menghiraukan perintah mahkamah samalah seperti menghina mahkamah. Tindakan sedemikian dari seorang kakitangan kerajaan yang berada di kedudukan yang memikul tanggungjawab khas adalah sesuatu yang tidak dapat diterima dan Nasir Khan harus digantung kerja yang dikenakan tindakan disiplin untuk dijadikan contoh dan amaran kepada 800,000 kakitangan kerajaan di negara ini.

Maksud B.11 - Butiran 010000 dan Kod 10,000 - Badan Pencegah Rasuah. Selepas pilihan raya umum Perdana Menteri mengumumkan bahawa sama seperti Perkhidmatan Awam, Hakim dan Raja-raja yang mempunyai kod-kod etika tersendiri, Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen juga perlu mematuhi kod etika untuk memimpin kerajaan dan sekiranya mereka melanggar kod etika, mereka akan dipecat. Kod sedemikian tidak akan bererti dan tidak akan membawa sebarang kesan untuk memastikan

kejujuran dan integriti di dalam Perkhidmatan Awam melainkan disertai dengan akauntabiliti sepenuhnya dan ketulusan di dalam proses membuat keputusan yang melibatkan naungan politik.

Kerajaan Korea Selatan kini dan yang lepas, pernah mengambil pendirian anti-korupsi secara terbuka. Tetapi ia masih tidak berupaya untuk menghalang bekas Presiden Korea Selatan Roh Tae-Woo dari menghimpunkan sejumlah RM1.6 bilion dari wang politik dan perkara ini telah menggegarkan seluruh institusi politik di Korea Selatan. Semalam Timbalan Menteri Kewangan mengumumkan bahawa Kementerian Kewangan telah membuat dan akan terus membuat laporan polis mengenai isu nama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta lain-lain pemimpin kerajaan telah disalahgunakan di dalam sesetengah surat oleh seseorang yang tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan sumbangan politik, kontrak dan lesen-lesen syarikat broker. Beliau menyatakan bahawa surat-surat berkenaan menyatakan bahawa saham Telekom dan Perwaja dari Khazanah Holdings telah dijual dan lesen-lesen syarikat sekuriti serta kontrak-kontrak telah diberikan kepada individu-individu tertentu dan bahawa pembohongan sebegini telah sampai sejauh sehingga ke London dan telah menghasilkan kesan negatif ke atas pasaran saham.

Kata beliau, sekiranya kerajaan berhasrat untuk menjualkan saham, maka kita akan mengeluarkan kenyataan polisi dahulu. Tetapi ini bukan kesnya dan tidak menggambarkan isu pokok sebenar iaitu kekurangan akauntabiliti dan ketulusan di dalam penjualan saham kerajaan khas dan proses penswastanannya. Apabila kerajaan berhasrat untuk menjualkan sahamnya persaingan tawaran harga tidak diadakan dan semua tindakan yang berkaitan dilakukan dengan kabur dan penuh dengan misterinya. Ini bukan sahaja menunjukkan bahawa kerajaan tidak beraccountable dan ia tidak bertulusan semasa menjualkan saham-saham tetapi juga tidak wujud nilai-nilai akauntabiliti dan ketulusan di dalam proses membuat keputusan pada keseluruhannya.

Sebagai contohnya, sehingga kini, selain dari mengakui bahawa Perwaja Terengganu telah mengalami kerugian raksasa sebanyak RM376 juta di tahun-tahun kewangan yang berakhir 31hb. Mac 1993, kerajaan enggan memberikan gambaran yang sepenuhnya mengenai mengapa kerugian terkumpul Perwaja melambung naik daripada RM1.67 bilion pada akhir tahun kewangan 31hb. Mac 1992 sehingga RM2.49 bilion pada 31hb. Mac 1995

dan dua, mengapa 'Miracle man' Eric Chia bukan sahaja tidak dapat menyelamatkan Perwaja Terengganu malah terpaksa meletakkan jawatan di Perwaja dan kerugian terkumpul syarikat berkenaan telah bertambah dari RM1 bilion pada masa beliau mengambil alih menjadi RM2.5 bilion pada Mac tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan berkata bahawa wujudnya pembohongan mengenai penjualan saham-saham Perwaja dan Telekom kepada individu-individu swasta kerana keputusan sedemikian tidak pernah dibuat. Saya tidak tahu menahu tentang surat-surat yang dijadikan subjek laporan ini tetapi masalah ini ialah oleh kerana khabar-khabar angin di dalam pasaran bahawa Perwaja dan Telekom akan dijual kepada setengah-setengah individu, antaranya termasuklah laporan media massa mengenai satu cadangan yang dibuat oleh Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tuan Daim Zainuddin kepada Halim Saad untuk menyelamatkan Perwaja sebagai satu national service. Dan sebagai balasan beliau akan mendapat sejumlah 32% saham Telekom yang bernilai RM20 bilion.

Sebenarnya oleh kerana tiadanya akauntabiliti awam serta ketulusan dalam cara kerajaan menjualkan saham-sahamnya yang menyebabkan timbulnya surat terbuka kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang kini diketahui ramai yang diedarkan oleh seorang Ahli Umno Baru dari Bahagian Titiwangsa, Zairin Mohd Yasin mengenai kelas baru super kaya dan super bumiputera dan munculnya hasil dari urusan jualan saham Hicom dari Khazanah Holdings Berhad kepada Mega Consolidated Sdn. Bhd., sebuah syarikat keluarga Pengarah Pengurusan DRB, Datuk Seri Yahya Ahmad. Dan surat terbuka berkenaan berbunyi - dua perenggan

“Nampaknya cara yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat berdua untuk memberi saham yang begitu besar kepada Datuk Seri Yahya bin Ahmad samalah seperti harapkan pagar, pagar makan padi, harapkan anjing, anjing gigit tuan. Kenapa tidak, jelaslah bahawa cara pemberian saham TNB kepada penama itu jelas mengkhianati keputusan-keputusan Kongres Ekonomi Bumiputera. Sepatutnya selaku Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia, beliau wajar mendahulukan kepentingan ahli-ahli termasuk ahli-ahli gabungan dalam Dewan terlebih dahulu daripada kepentingan peribadi.

Setelah sejumlah wang berjumlah RM1.7 bilion terpaksa dibayar kepada TNB, sudah pasti segala kekuatan untuk perdagangan dan perindustrian bumiputera akan digunakan oleh penama tersebut. Bayangkanlah bagaimana pihak-pihak bank akan bertungkus-lumus menyusun satu sindiket atau konsortium kewangan untuk menampung dana yang begitu besar. Akhirnya, pihak-pihak Institusi Kewangan akan kehabisan wang untuk membantu peniaga bumiputera yang lain. Sekiranya diperuntukkan RM2 bilion, maka akan keluarlah beberapa kenyataan bahawa beberapa bilion ringgit telah dibelanjakan untuk peniaga bumiputera tetapi tidak siapa sedar bahawa 90%nya hanya sekadar untuk menolong seorang individu Melayu sahaja”.

Kerajaan mestilah mengambil ketetapan untuk menunjukkan nilai-nilai akauntabiliti dan ketelusan di dalam proses membuat keputusan kerajaan terutama sekali dalam proses penswastaaan dan penjualan saham kerajaan demi melenyapkan spekulasi mengenai penyelewengan dan bad political of patronage yang berleluasa hingga kini.

Maksud Bekalan untuk Parlimen. Tuan Pengerusi, Parlimen perlulah ada satu reformasi dan menukar, mengkaji peranannya. Khasnya yang pertama bahawa Parlimen perlu dalam benteng depan mengenai information technology. Masa sudah sampai untuk Parlimen ada satu home page di Internet dan untuk semua Ahli-ahli Parlimen memberi contoh teladan kepada rakyat Malaysia bahawa mereka fasih dalam Internet. Saya tidak tahulah berapa orang Ahli Parlimen adalah fasih dan boleh menggunakan Internet tetapi ini patutlah bukan menjadi satu isu parti politik tetapi satu isu mengenai survival kebahagiaan negara kita dalam abad ke-21 dan saya harap ini boleh menjadi satu tujuan Parlimen.

Dan kedua, masa sudah sampai untuk Parlimen memainkan satu peranan yang lebih aktif di bidang antarabangsa. Baru-baru ini Parlimen ada meluluskan usul mengenai mengecam French nuclear test, ujian French nuclear dan terdahulu dari itu mengenai Bosnia. Inilah tanda-tanda yang baik tetapi masa sudah sampai bukan sahaja mengenai isu-isu Bosnia dan French nuclear test tetapi isu-isu semacam pembunuhan aktivis-aktivis hak asasi Nigerian, Saro-Wiwa, Parlimen perlu ambil satu pendirian dan perlu mengasingkan pendirian Kerajaan daripada pendirian Parlimen. Sekarang kalau Kabinet atau kerajaan tidak mahu mengambil satu pendirian, kerajaan tidak mahu benarkan Parlimen ambil satu pendirian, saya rasa ini tidak baik.

Kita perlu mengasingkan pendirian Parlimen daripada pendirian Kabinet dan saya harap kalau begitu kita ada lebih kelonggaran, ada lebih 'lee-ways' di mana Parlimen boleh memainkan satu peranan untuk mempelopori Parlimen-parlimen di seluruh dunia untuk menjadi conscience mankind. Bukan semacam sekarang kalau tidak dapat persetujuan daripada Kabinet, Parlimen tidak boleh bergerak. Dan ini pun boleh dikembangkan di mana bukan sahaja di isu-isu antarabangsa tetapi di isu-isu nasional di mana sungguhpun kita ada parti-parti politik yang ada pendirian yang berbeza tetapi tentulah bukan sahaja di isu-isu antarabangsa ada isu-isu nasional di mana kita boleh ada sependapat dan oleh kerana kita satu masyarakat yang majmuk di mana masalah nation building, masalah national unity, satu cabaran kepada negara kita, kalau kita tidak boleh mencapai perpaduan negara, apa-apa kemajuan ekonomi satu hari pun akan menjadi sifar.

Sebab itu, mungkinlah masa sudah sampai di mana kita perlu menimbang bagaimana peranan Parlimen boleh dimainkan dalam cara-cara yang tak pernah dilakukan di masa lampau, saya pernah mencadangkan kepada Pengerusi Backbenchers Club bahawa mengenai isu-isu environment mungkin ada isu-isu nasional, sungguhpun kita tidak boleh mencapai satu pendirian sepakat tetapi kita sekurang-kurangnya patut boleh 'agree to disagree', semacam isu Bakun, kita ada pro con, ramai Ahli-ahli Parlimen yang tidak tahu aspek Bakun, kita patut boleh parti-parti pembangkang dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional boleh menganjurkan satu forum atau satu seminar, bukan untuk mengambil satu pendirian mengenai Bakun tetapi di mana semua aspek pro con, sokong, tentang atau setuju, pendapat pakar-pakar boleh dikemukakan supaya boleh memberi panduan kepada bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen tetapi kepada rakyat Malaysia boleh mengambil satu keputusan yang lebih inform dan ini mustahak, oleh kerana apa kita boleh lihat dalam persidangan perbincangan 'Supply Bill' ialah ada menteri-menteri atau timbalan menteri yang memberi hujah-hujah yang tidak berasas, sebenarnya Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ada sebut

bahawa sebagai contoh bahawa rakyat atau penduduk-penduduk Kayan, Kenyah di Belaga sokong Bakun, tetapi sebenarnya ini bukan betul.

Hari semalam masyarakat orang asal yang terjejas di kawasan Bakun di Sarawak telah menghantar beberapa memorandum kepada dua pengurus (fund manager) dan menjalankan roadshow di kawasan Bakun. Masyarakat berkenaan yang terdiri dari wakil-wakil dari masyarakat Kayan, Penan dan Kenyah menyerahkan surat-surat yang ditulis dengan bahasa-bahasa masyarakat mereka masing-masing kepada pengurus-pengurus kewangan mengisytiharkan pendirian-pendirian mereka antara:-

- (i) bahawa penduduk di Hulu Sungai Rejang tidak bersetuju dengan pembinaan projek Empangan Hidroelektrik Bakun kerana ia akan membanjiri tanah pusaka dan harta benda mereka;
- (ii) bahawa mereka tidak mahu dipindahkan dari tanah pusaka mereka; dan
- (iii) bahawa mereka orang miskin di Bakun yang merupakan majoriti penduduk masyarakat berkenaan bersedia untuk mati bersama tanah pusaka mereka sekiranya projek Bakun diteruskan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ini tidak sepatutnya bersabit dengan urusan Parlimen, walaupun

Tuan Lim Kit Siang: Bukan! Ini

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada peluang lagi untuk memberikan hujah ini di bawah kementerian lain.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hanya beri contoh sahaja, saya akan berbalik kepada Bakun, saya beri contoh bahawa apa penjelasan yang telah dibuat dijawab oleh Menteri patutlah mengikut hakikat-hakikat dan ini tidak mengikut hakikat-hakikat, ini satu contoh.

Peranan Parlimen, dalam peruntukan ada untuk persidangan-persidangan Speaker termasuk Speaker-speaker dan Speaker-speaker Dewan Undangan Negeri dan kita harap bahawa Speaker Parlimen boleh memberi nasihat kepada Speaker-speaker Dewan Undangan Negeri bahawa kita mahu memastikan bahawa semua perjalanan Dewan Undangan Negeri mengikut lunas demokrasi dan bukan semacam apa yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Melaka semalam di mana untuk debate Royal address seorang cadang, seorang sokong, seorang parti pembangkang bercakap, seorang parti Barisan Nasional bercakap dan tutup perbahasan. Apa demokrasi ini? Ini semacam retrograde

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:

Tuan Pengerusi, bolehkah saya

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa! Mana ada demokrasi?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu! Sabar!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa, mahu campur tangan lagi?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Masa sudah suntuk!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Dan lagi pun saya rasa, apa yang dibangkitkan tadi itu, itu bukan dalam bidang kuasa Parlimen juga?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan bidang kuasa? Good Office Speaker, oleh kerana kita ada Speaker Dewan Rakyat dan Speaker selalu ada persidangan (Speakers Conference), inilah directly are involve dan saya harap bahawa contoh Dewan Undangan Negeri , yang buruk, yang tidak baik, yang tidak demokratik tidak akan diteruskan dalam negara kita.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bolehlah beri peluang kepada saya untuk menerangkan

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk ya? Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Fasal semalam itu dalam Dewan Undangan Negeri, Speaker telah beritahu hanya dibenarkan

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia sudah habis berucap. Kubang Kerian.

3.55 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B.1 - Hal Ehwal Parlimen. Saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang dan kawan-kawan yang lain daripada Backbenchers supaya sudah tiba masanya Parlimen ini menubuhkan committee-committee tertentu sebab Malaysia sekarang ini di atas nama Parlimen, kita menyuarakan satu pandangan, satu pendapat.

Pihak Perdana Menteri dan Presiden UMNO pernah memanggil parti-parti politik pembangkang untuk membuat satu kenyataan pendirian yang sama, hal nuklear, begitulah juga kita bersama dalam hal Bosnia dan sikap kita terhadap Bangsa-bangsa Bersatu. Oleh itu, sampailah masanya pula Ahli-ahli Parlimen berhak menubuhkan jawatankuasa ataupun committee-committee terutama sekali committee hal kewangan, hal alam sekitar, hal

antarabangsa, hal ehwal pengguna dan syariah. Peringkat awal ini kita cadangkan kalau boleh lima committee ini dapat ditubuhkan dan committee ini akan bekerja selama satu penggal di mana setiap committee ini yang terdiri dari Ahli-ahli Parlimen, Backbencher daripada kerajaan dan juga daripada pembangkang di mana setiap committee ini setiausahanya datang daripada pegawai di Parlimen ini.

Sudah tiba masanya supaya Parlimen kita ini diupgradekan supaya Parlimen Malaysia juga jadi terkenal, bukan setakat Perdana Menteri, Timbalannya dan Menteri-menteri, Parlimen juga hendaklah memainkan peranan. Memang kita telah ada pegawai-pegawai kerajaan dalam menjalankan tugas. Pegawai kerajaan menjalankan tugas apa yang diluluskan di Parlimen, mereka pegawai pentadbir, pegawai mentadbir apa yang diluluskan di Parlimen.

Tetapi kita di peringkat committee ini di peringkat dasar, di mana kita boleh mencadangkan kepada kerajaan untuk meminda sesuatu akta atau meminda sesuatu undang-undang untuk membolehkan sesuatu perkara itu dapat berjalan dengan lebih licin. Oleh itu, sudah tiba masanya pandangan Ketua Pembangkang dan juga kawan-kawan daripada Backbencher yang lain yang berfikiran waras, yang tidak waras itu memanglah, sampai bila pun dia tidak erti berfikir begitu. Tetapi ahli-ahli Backbenchers yang waras pun mahu supaya committee ini dibentuk segera supaya kita dapat bersama membina negara dan juga memberi khidmat kepada rakyat dengan lebih bererti.

Dan setiap Ahli Parlimen ini duduk dalam satu committee, maka committee mereka ini akan memberi pandangan-pandangan kepada kerajaan dan juga aduan-aduan daripada rakyat dapat kita bincangkan dalam bentuk committee itu, untuk kita ubah polisi dan sebagainya pada masa yang akan datang.

Seterusnya, dalam perkara B.7 iaitu kalau kita lihat di sini peruntukan kepada 12 orang Ahli Parlimen baru, peruntukan untuk 12 kawasan baru Parlimen - 190500 - RM3,600,000 - 12 orang Ahli Parlimen baru, ertinya seorang dapat lebih daripada RM300,000. Kami daripada pembangkang tidak dapat apa-apa. Ini kami juga Ahli Parlimen, sedangkan konsep yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan, konsep Al adlu wal-ihsan, adil dan ihsan, apakah adil, apakah ihsan? Peruntukan kepada Ahli Parlimen daripada pembangkang tidak diberi, sedangkan kami juga ada rakyat, kawasan kami juga dan kawasan kita juga ada rakyat Barisan dan ada rakyat PAS - ada rakyat pembangkang. Oleh itu, peruntukan ini hendaklah diberi, sudah tibalah masanya kerajaan menunjukkan sikap yang lebih demokratik dan kami juga dapat memberi projek-projek kecil kepada rakyat.

Kami Ahli-ahli Parlimen daripada Kelantan ini, hanya Kerajaan Negeri Kelantanlah yang memberi sedikit, lebih kurang RM25,000. RM25,000 untuk satu kawasan Parlimen, apakah yang kami boleh buat? Tetapi kerajaan yang mengutarakan sikap Al adlu wal-ihsan, sikap adil dan ihsan ini sepatutnya memulakan pada penggal ini konsep itu hendaklah dipraktikkan, kawasan pembangkang tidak kira parti juga dapat projek-projek kecil ini supaya kita Ahli Parlimen juga dapat memperuntukkan atau memberi projek-projek kecil kepada rakyat. Selagi pembangkang dinafikan, bagaimana kita hendak utarakan kepada dunia soal demokrasi yang ada dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, seterusnya Butiran 020000 Unit Perancang Ekonomi dan juga program yang utama di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Program Penswastan. Sekali lagi kita minta penjelasan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri bahawa projek program penswastan yang tujuannya dahulu dianggap suci dan murni iaitu meningkatkan kecekapan, menambahkan pendapatan, memberi peluang pekerja untuk memiliki saham, menambahkan

cukai kerajaan untuk dapat daripada syarikat-syarikat yang diswastakan. Tetapi kebelakangan ini kita lihat sudah ada trend iaitu harta-harta kerajaan yang diswastakan akhirnya menjadi hak individu. Saya sudah kemukakan tetapi tidak di jawab dalam perbincangan dasar dan kita harap di peringkat Jawatankuasa ini dapat diberi jawapan tentang perkara itu. Misalnya kita lihat harta awam yang dahulunya MAS sekarang sudah dimiliki oleh Tan Sri Tajudin Ramli, begitu juga harta-harta awam, HICOM misalnya akan dimiliki oleh Datuk Yahya Ahmad. Begitu juga program beberapa perkara dalam PNB yang sekarang ini saham-sahamnya sedang dijual atau dimiliki oleh anak-anak Perdana Menteri.

Begitu juga kita lihat dengan program-program penswastakan yang lain - Indah Water tidak lama lagi akan dimiliki barangkali sepenuhnya oleh Vincent Tan - apa halangannya? TEN dan juga Perkhidmatan Pos, Keretapi Tanah Melayu dan lain-lain lagi yang diswastakan, akhirnya menjadi hak individu, bukan lagi hak korporat atau bukan lagi hak syarikat. Inilah kebimbangan kami di pihak pembangkang di peringkat awal dahulu dan sekarang menjadi kenyataan ianya semakin menjadi hak individu. Bila menjadi hak individu sudah tentulah tanggungjawab kepada masyarakat akan berkurangan kerana bila menjadi hak individu tanggungjawab mereka lebih bersifat untung semata-mata dan tidak lagi bersifat sosial. Tanggungjawab sosial semakin kurang dan semakin dikurangkan dan pihak kerajaan sendiri pun sekarang makin mengurangkan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat kerana banyak perkara-perkara yang telah diswastakan dan akhirnya jatuh ke tangan individu. Maka harta kerajaan dan harta awam dialih ke tangan individu dan ini satu perkara yang merbahaya kepada Malaysia pada masa yang akan datang.

Seterusnya Butiran 010000 - Urusan Pilihanraya. Kita lihat bahawa dalam perbicaraan di Don Jabi baru-baru ini, telah dibuktikan di mahkamah dan diterima oleh hakim iaitu

terdapat lebih daripada 50 kes di mana dua orang yang mengundi melalui satu kad pengenalan dan diterima oleh mahkamah. Ertinya perkara ini benar terbukti seperti yang kita tuduh selama ini. Perkara ini berlaku di mana-mana dan kita berharap supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya kalau boleh dapat mendaftarkan semula semua pengundi sebab kita lihat pengundi bertindih. Satu kad pengenalan dua pengundi berlaku begitu banyak. Tambah lebih hebat lagi ianya berlaku di Sabah. Di Semenanjung pun bila berlaku perbicaraan kita lihat mahkamah menerima hujah-hujah yang dikemukakan oleh peguam, iaitu kita melihat bahawa berlaku kepincangan yang begitu banyak terutama sekali dalam mengendalikan pilihanraya. Ini kita harap bersungguh-sungguh supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengakui perkara ini, termasuklah pengerusinya sendiri telah mengakui adanya pengundi-pengundi bertindih dan sebagainya dan mereka berjanji akan cuba selesaikan dalam penggal ini. Kita harap kalau boleh dapat diselesaikan dengan sungguh-sungguh supaya pilihanraya itu benar-benar kita puas hati. Kalau menang, kita puas hati, kalau kita kalah kita rasa puas hati, barulah ia dipilih oleh rakyat, bukan penipuan-penipuan yang berlaku yang tidak berjaya di tangani oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

Seterusnya Maksud B.11 iaitu Badan Pencegah Rasuah. Kita lihat kebelakangan ini rungutan daripada orang-orang korporat, tidak kira apa-apa parti politik, iaitu untuk mendapatkan sesuatu projek mereka terpaksa beri kepada parti politik pemerintah beberapa persen dan perkara ini sudah menjadi perkara umum. Tetapi kita lihat dalam keadaan yang ada BPR hanya akan bertindak bila ada polis report. Kalau tidak ada polis report, mereka tidak bertindak. Ini adalah satu perkara yang sepatutnya pihak BPR, kalau tahu tidak payah ada polis report dan terus bertindak. Kerana sekarang ini kita lihat sogokan dalam bentuk yang begitu banyak untuk mendapatkan sesuatu projek yang menyebabkan para kontraktor

atau sesuatu korporat itu atau seseorang yang menjalankan perniagaan itu terpaksa menaikkan harga tender dengan begitu tinggi kerana dia terpaksa memberi sebahagian besarnya kepada parti UMNO ataupun kepada parti pemerintah. Pihak BPR hendaklah bertindak dengan tegas. Kita mencadangkan sekali lagi kalau boleh BPR ini tidak diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, diletak di bawah seperti.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun, Yan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya ada 10 minit sahaja, tak 'dan' kot.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa Yang Berhormat sudah hampir habis.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa sudah hendak habis, minta maaf. Yang lain kita beri. Saya sportinglah tentang itu.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila. Masa hampir habis, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak, UMNO parti pemerintah. Kalau sebut parti pemerintah, jadi termasuklah kalau berlaku di Kelantan - boleh ambil tindakan. Kita mahu supaya negara kita ini betul-betul bersih daripada sebarang bentuk rasuah. Kalau tidak bersih 100% pun, tetapi janganlah soalah-olah rasuah ini sudah menjadi perkara umum dan diketahui umum, hendak dapatkan projek kena beri kepada Ketua Bahagian itu beberapa yang ditentukan oleh mereka. Ini kita harap BPR dapat mengambil tindakan dengan segera. Sudah cukup masa?

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sekian.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan.

4.05 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan mengenai B.1 - Parlimen. Tuan Pengerusi, Parlimen kita ini bukan sahaja tempat kita berbahas ataupun kita berjuang sesuatu untuk rakyat. Tetapi kini Parlimen menjadi tempat di mana pembesar-pembesar negara asing datang untuk menerima tabik kehormatan dan juga jamuan negara di adakan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya persekitaran bangunan Parlimen ini sama ada di luar Dewan Rakyat ataupun di dalam bangunan ini sendiri perlulah dibaiki sejajar dengan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun dan maju, maka kita perlu mempertingkatkan dan memperindahkan bangunan ini sendiri.

Tuan Pengerusi, kalau kita melawat ke luar negara kita tengok dewan-dewan rakyat menjadi tempat tumpuan pelancong untuk melihat di mana sesuatu undang-undang Perlembagaan itu di pinda dan di situlah tempat rakyat menaruh harapan dan Parlimen menjadi tempat lawatan pelancong-pelancong dan bangunan Parlimen di setiap negara itu begitu indah dan begitu cantik.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya bangunan Parlimen kita ini diubah suai semula. Sudah lama sangat, sejak kita merdeka sampai ke hari ini coraknya begitu sahaja. Kawasan yang begitu luas tidak kita perbaiki, malah dalam bangunan Parlimen itu sendiri pun perlu diperelekkkan lagi. Kalau kita pergi ke tandas pun, Tuan Pengerusi pergi dan semua yang duduk dalam Dewan Rakyat ini pergi, kita boleh tengok keadaan yang perlu kita perbaiki.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin pergi kepada B.4 - Suruhanjaya Pilihanraya, berkenaan dengan pemindahan pengundi. Saya ingin mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya perlu memperbaiki prestasi mereka dari segi pindahan pengundi. Masa kita menghadapi pilihanraya yang baru lalu, banyak pengundi-pengundi dalam kawasan apabila mereka datang ke pondok panas untuk menyemak senarai nama, nama mereka ini telah dipindahkan tanpa mereka sendiri sedari. Dan perkara ini telah dilakukan dalam kawasan saya oleh parti pembangkang - Parti PAS yang membuat kerja ini dalam kawasan saya. Minta maaf, kena khabarkan kerana benda ini berlaku dan kita mengalami kekalahan kepada satu kerusi dalam Dewan Undangan Negeri. Bukan kerana kekuatan PAS itu sendiri, tetapi mereka telah memindahkan pengundi-pengundi dalam kawasan saya ke luar daripada kawasan dan mereka ini tidak boleh mengundi dan kadang-kadang nama itu telah dipindahkan sampai ke Kuala Lumpur. Jadi, untuk pengundi di kawasan Yan datang ke Kuala Lumpur untuk mengundi adalah tidak sempat. Jadi, saya mencadangkan supaya borang pindahan kawasan mengundi ini diperkemaskinikan dan mesti dikepilkan dengan salinan kad pengenalan individu tersebut yang membuktikan bahawa individu tersebut rela bertukar tempat mengundi. Ini perlu pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengambil iktibar dan ingatan

Tuan Pengerusi, saya bersetuju pihak Suruhanjaya Pilihanraya adalah satu badan bebas yang perlu menjalankan tugas mereka seadil-adilnya kerana ini adalah penentuan pemerintahan. Oleh yang demikian, saya menyarankan kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya membuat lawatan ke luar negara tengok macam mana negara lain mentadbir pengundi dan sebagainya, kaji lagi macam mana kita dapat membetulkan keadaan supaya keputusan rakyat itu adalah keputusan yang muktamad dan saya berpuas hati - setakat hari ini saya

berpuas hatilah, cuma kalau boleh diperbaiki lagi. Jadi, saya dapat lihat tidak ada kekecohan berlaku di dalam pentadbiran urusan pilihanraya malah mereka itu bebas dan kita terima keputusan pilihanraya itu dengan baik kerana majoriti yang Barisan Nasional dapat kali ini adalah baik sekali.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin pergi kepada B.5 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di mana saya ingin memperingati lagi supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dapat bertindak dari segi revision terhadap kenaikan gaji dan pangkat secara menyeluruh.

Tuan Pengerusi, kita dapati hari ini banyak tenaga-tenaga profesional, terutama sekali dalam bidang kedoktoran, bidang lecturer (pensyarah) dan banyak lagi bidang-bidang seperti kejuruteraan dan sebagainya mereka meninggalkan perkhidmatan kerajaan oleh sebab pendapatan mereka tidak begitu lumayan kalau dibandingkan dengan pihak swasta.

Saya mencadangkan Tuan Pengerusi, kalaulah di dalam Perkhidmatan Awam ini banyak, MCS, pegawai tadbir dan diplomatik, doktor, jurutera dan sebagainya perlu seimbangkan kenaikan pangkat dan juga gaji mereka. Kadang-kadang kita terlupa kita naikkan gaji-gaji pegawai tadbir dan diplomatik kerana kita yang membuat kertas kenaikan pangkat, sedangkan doktor tidak dapat kenaikan pangkat, doktor tidak dapat kenaikan gaji dan sebagainya. Sedangkan, kalau kita kaji dari segi perkhidmatan seorang doktor terhadap masyarakat kerana jawatan mereka itu lebih berat daripada setengah-setengah pegawai kerajaan yang bekerja dari jam 8.00 hingga jam 4.30 petang. Jadi, saya mencadangkan bahawa kajian menyeluruh perlu dilakukan supaya jangan ada ketidak-adilan dari segi kenaikan pangkat dan juga dari segi kenaikan gaji.

Di samping itu juga, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai yang kita hantar berkhidmat di kawasan-kawasan yang agak terpencil, di kawasan-kawasan

yang agak susah, perlulah kita beri mereka ini satu elaun khas yang mencukupi dengan kesusahan dan juga masalah setempat yang akan mereka hadapi. Saya bersimpati kalaulah seorang doktor itu berkhidmat di Sarawak, terpaksa naik bot, terpaksa naik macam-macam dan terpaksa berjalan kaki. Seorang guru sendiri pun begitu juga. Jadi, kadang-kadang orang-orang di luar bandar akan menghadapi masalah tidak dapat tenaga pengajar yang baik, tidak dapat perkhidmatan perubatan yang baik disebabkan oleh ramai pegawai-pegawai tidak mahu pergi di luar bandar kerana kesusahan. Rumah tidak ada, tempat duduk tidak sesuai dan sebagainya.

Jadi, kepada mereka ini Tuan Pengerusi, pihak JPA perlu membuat satu kajian, memberi satu insentif yang lain supaya mereka sanggup berkhidmat di luar bandar. Dengan ini, rakyat keseluruhannya mendapat manfaatnya.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya sungguh-sungguhlah berharap kepada JPA, satu jabatan yang saya kira cukup baik, satu nadi kerajaan yang menggerakkan jabatan-jabatan perkhidmatan kerajaan supaya setiap pegawai kerajaan tidak kiralah apa pangkat sekalipun, mereka ini berpuas hati.

Saya pun puas hatilah baru-baru ini CUEPACS telah bersetuju dengan kerajaan terima RM2 juta. Kemudian balik pergi berilah, patut-patut padan. Kemudian tahun ini pula boleh bonus, pakat-pakat boleh bonus, belanja elok-elok. Tetapi jangan belanja lebih-lebih sangat - inflasi. Simpan, simpan duit ini. Simpan untuk masa depan kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya bersetuju juga dengan kajian kenaikan ini kerana kadang-kadang barang naik, walaupun inflasi sifar. Saya kena kata jugalah. Yang sifar, sifarlah, yang naik, naik. Jadi, masalah dihadapi juga tambah duduk di Kuala Lumpur. Saya belanja di Alor Setar sehari RM30 tidak habis. Mari di Kuala Lumpur RM60 tidak cukup. Jadi,

teruk kita ini Wakil Rakyat sudah ramai di Kuala Lumpur ini tidak cukup belanja, pasal kos di sini agak tinggi kalau hendak dibanding di kawasan-kawasan lain.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya harap kajian perlu dibuat supaya elaun khas diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di kawasan di mana kos hidup itu tinggi. Sewa rumah tinggi, kos barang tinggi, ikan dan sayur semua tinggi, macam di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Alor Setar. Alor Setar masuk jugalah, nanti orang Kedah marah kepada saya pula. Bagi naik sedikit Tuan Pengerusi, supaya mereka ini dapat berkhidmat dengan sempurna, dengan hati yang terbuka dan akan memberi senyuman kepada setiap rakyat yang menemui mereka. Kadang-kadang kita masuk pejabat, kita beri salam pun mereka lupa hendak jawab. Kerana, maklumlah main dengan keadaan hidup ini, salam pun tidak jawab, muka pun kadang-kadang “decom” - masam!

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Sudah cukup? *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Senai.

4.15 ptg.

Tuan Lim Si Cheng [Senai]: Tuan Pengerusi, ingin saya rujuk kepada B.7 Jabatan Perdana Menteri. Sepanjang persidangan Dewan ini dijalankan, kita dapat mendengar apabila beberapa orang Menteri menjawab soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, berapa kali sudah sentuhkan betapa pentingnya peruntukan wakil rakyat untuk membantu rakyat. Ini jelas membuktikan peruntukan yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat dari Barisan Nasional perlu ditambah.

Tuan Pengerusi, rakyat jelata apabila mereka membuang undi, memberi sokongan kepada calon-calon Barisan Nasional. Yang pertama, mereka sudah tentu tahu peruntukan akan diperolehi oleh wakil rakyat daripada Barisan Nasional. Apabila kita mendengar ucapan dari pembangkang yang meminta peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri, saya fikir rakyat jelata yang membuang undi menyokong mereka, yang pertama sekali mereka faham peruntukan wakil rakyat tidak penting bagi mereka.

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada B.8. Dengan pembangunan ekonomi yang pesat, boleh dikatakan tawaran gaji guru tidak lagi merupakan daya tarikan untuk menolong muda-mudi memilih perguruan sebagai kerjaya. Sedangkan, bidang guru merupakan satu perantaraan yang penting demi penghasilan rakyat yang bermutu serta berakhlak murni.

Tuan Pengerusi, seorang guru selepas mengikuti kursus di maktab perguruan selama 2 1/2 tahun. Jika memperolehi sijil SPM, gaji RM594 sebulan - kurang daripada RM600. Bagi mereka yang mempunyai STPM, RM711 sebulan. Jadi, gaji yang begitu rendah memang tidak dapat menarik pemuda-pemudi untuk memohon menjadi guru.

Jadi, saya meminta supaya jabatan yang berkenaan supaya membuat satu kajian, sama ada satu gaji yang istimewa, special scheme, dengan izin, dapat diwujudkan untuk para guru.

Tuan Pengerusi, saya datang daripada negeri Johor - Johor Selatan. Cost of living, sara hidup di Johor Bahru amat tinggi. Harga barang, harga sayur-sayuran dan sebagainya memang jauh tinggi kalau dibandingkan dengan bandar-bandar yang lain. Sebuah rumah teres bertingkat satu, kalau 3 bilik sewa rumah itu lebih daripada RM1,000 di bandar Johor Bahru. Sewa satu bilik RM400 sebulan. Jadi, kepada kakitangan kerajaan, kepada mereka yang berpendapatan rendah, macam mana mereka dapat hidup di Johor Bahru.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya juga hendak minta kepada jabatan yang berkenaan, pihak yang berkenaan, membuat kajian sama ada satu elaun khas dapat diwujudkan untuk membantu mereka, membantu kakitangan kita, lebih-lebih lagi kepada mereka yang berpendapatan rendah apabila ditugaskan menjalankan tugas mereka di daerah Johor Bahru. Ini dua perkara sahaja yang saya sampaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong.

4.21 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.7 dengan pecahan 040000, bahagian 020000 iaitu Perancangan Ekonomi dan juga 030000 Unit Penyelarasan Pelaksanaan dengan sekali gus.

Tuan Pengerusi, Rancangan Malaysia Keenam akan berakhir tidak lama lagi dan Rancangan Malaysia Ketujuh sedang dalam proses penggubalannya. Saya ingin bertanya di sini, di manakah relevannya wakil rakyat di dalam proses merancang projek-projek pembangunan negara?

Saya kemukakan pertanyaan ini kerana sewaktu menggubal, menyelidik dan mengenal pasti projek-projek yang akan diketengahkan dari daerah ke peringkat negeri dan ke peringkat pusat, wakil rakyat tidak diberi peluang untuk menyertainya. Ini bermakna tidak ada penyertaan dari wakil rakyat dalam proses mengenal pasti dan juga mencadangkan projek-projek pembangunan kepada pihak kerajaan.

Kemusykilan ini saya kemukakan oleh kerana wakil rakyat yang berada dalam Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah tidak diberi satu relevan, tidak diberi satu tanggungjawab untuk bersama-sama dengan kakitangan kerajaan yang berkemahiran untuk mengenal pasti dan merancang projek-projek pembangunan negara.

Saya persoalkan perkara ini, Tuan Pengerusi, kerana kesan setelah sesuatu projek itu dilaksanakan, apabila rakyat mendapati projek yang akan dilaksanakan di tempatnya tidak sesuai dengan kehendak rakyat, yang bertanggungjawab dan dikejar secara pantas adalah wakil rakyat. Sekiranya sesuatu projek itu gagal dan tergendala, yang akan bertanggungjawab menjawab kepada rakyat adalah wakil mereka.

Jadi, di sini saya harap pihak Unit Perancang Ekonomi dan juga Unit Penyelarasan Pelaksanaan ataupun ICU akan mengambil kira suara ini kerana suara ini pernah kami kemukakan kepada pihak-pihak atasan sebelum ini.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, di dalam pelaksanaan projek-projek kecil wakil rakyat, mengapakah wakil rakyat tidak diberi laporan “progress” kemajuan projek-projek itu? Yang diberikan kepada kami hanyalah salinan waran kelulusan projek-projek tetapi kami tidak pernah diberi tahu sama ada projek ini tergendala, sama ada projek ini terlambat atau sama ada projek ini tidak langsung disampaikan kepada rakyat.

Perkara ini pernah dan banyak berlaku di kawasan saya. Umpamanya rakyat memohon pembajak mini, bermakna jentera pembajak kecil dengan spesifikasi yang jelas, dengan katalog disertakan tetapi dibekalkan dengan benda yang lain walaupun jentera yang diperlukan asalnya itu ada dalam pasaran. Apabila rakyat menolak, maka dikata, “Kalau kamu hendak menukar, kamu kena bayar RM500”. Ini amalan yang berlaku di sesetengah kawasan. Mungkin bukan amalan yang terasing, yang remote, tetapi saya minta perkara ini diawasi.

Kadang-kadang setengah projek itu adalah dijelaskan, “Pembinaan court badminton siap dengan pendawaiannya”. Yang dihantar hanya pembinaan court badminton. Apabila perkara ini diheret kepada Badan Pencegah Rasuah, maka akan menjadi satu kontroversi dan

akan timbul rasa “animosity” ataupun rasa pertelingkahan di antara pelaksana dengan ahli politik.

Tuan Pengerusi, perkara ini boleh dielakkan sekiranya semua perkara dan semua pihak berusaha ke arah menuju kejernihan di dalam melaksanakan suatu projek untuk rakyat.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya ingin menjurus kepada Maksud B.8, pecahan 010000 iaitu di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, Program Pembangunan Sistem dan Dasar Personnel ataupun mungkin kepala ini tidak relevan. Yang maklum bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam memang bermatlamat menumpukan usahanya kepada langkah-langkah meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan awam yang merangkumi aspek memastikan perkhidmatan awam yang mempunyai organisasi yang mantap dan menyediakan sumber tenaga manusia yang sempurna bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang tetapi, saya harap di dalam proses Jabatan Perkhidmatan Awam melaksanakan dasar downsizing ataupun memperkecilkan saiz perkhidmatan awam, perkara ini tidak dijalankan secara sembrono. Di dalam Dewan yang mulia ini, menerusi soalan-soalan bertulis ataupun soalan mulut ataupun soalan tambahan, kita mendapati bahawa banyak kementerian yang masih lagi kekurangan tenaga-tenaga yang diperlukan khususnya kakitangan penguatkuasaan (enforcement officer), dengan izin.

Apabila kita tanya Kementerian Sumber Manusia, “Mengapa tidak dilakukan sesuatu perkara?”. Dia kata, “Kita kekurangan kakitangan”. Apabila ditanya Kementerian Alam Sekitar, “Mengapa tidak ada tindakan yang berkesan untuk mengawal pembuangan sisa toksid yang membahayakan umat manusia?”. Jawapannya, “Kekurangan kakitangan penguatkuasaan”. Apabila ditanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, “Mengapakah

harga di sesetengah kawasan yang jauh dari bandar melambung dan tidak dikawal?” Jawabannya, “Ketiadaan dan kekurangan kakitangan penguatkuasaan”.

Jadi, kita nampak biarpun Dewan ini selalunya proaktif, terkedepan untuk menggubal dan meluluskan undang-undang tetapi aspek penguatkuasaan undang-undang nampaknya agak terlalu lemah. Jadi, saya harap pihak JPA di dalam usahanya mencapai dan mewujudkan kor kakitangan perkhidmatan awam yang cemerlang, saya harap aspek establishment pegawai-pegawai penguatkuasaan ini dipandang berat. Tidak ada gunanya kita meluluskan undang-undang sekiranya penguatkuasaan undang-undang itu tidak diwujudkan. Ini akan menafikan matlamat undang-undang itu sendiri, iaitu untuk mewujudkan kesejahteraan hidup di kalangan masyarakat.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga, umpamanya 4, 5 tahun yang lalu, apabila kita bertanya, “Mengapa Kementerian Belia dan Sukan kelihatan lemah?” “Mengapa hanya satu pegawai belia pada satu daerah?” Jawabannya, dia kata, “JPA agak terlambat di dalam menyahut seruan kami menambahkan establishment kakitangan”. Adakah ini benar atau adakah ini politicking di antara jabatan ataupun adakah ini perkara yang sebenar-benarnya merupakan hakikat dan reality? Sekiranya perkara ini benar, ia harus diatasi dengan seberapa segera. Sekiranya wujud inter-departmental jealousies ataupun rasa cemburu antara jabatan, ia harus dihapuskan juga dengan segera.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap kedua-dua perkara yang saya sebutkan itu akan diambil ingatan, akan dilaksanakan, akan diambil tindakan. Mudah-mudahan rakyat akan bertambah sejahtera dan kakitangan kerajaan akan bertambah cekap, bersih dan amanah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan.

4.30 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.1 - Parlimen.

Tuan Pengerusi, pada satu hari apabila hujan turun, saya berhenti di rumah pengawal iaitu pondok polis di tempat kita masuk untuk menunggu tetamu saya datang. Saya mendapati bumbung rumah pengawal iaitu pondok polis di tempat masuk itu bocor dan pegawai polis yang bekerja di sana terpaksa memindahkan kerusi dan meja mereka ke satu tempat iaitu satu penjuru yang tidak terkena hujan.

Saya harap perkara ini dapat diperhatikan dan dengan peruntukan yang ada pada tahun hadapan, rumah pengawal dapat diperbaiki dan juga diberikan hawa dingin kerana pada masa panas, pegawai-pegawai yang duduk di dalam bilik itu terasa panas dan selalu kena keluar untuk pergi ke tempat yang ada perlindungan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh sedikit sebanyak berkenaan kebajikan Ahli Parlimen sendiri. Pada waktu dahulu, tiap-tiap Ahli Parlimen diberi satu Pass “B” iaitu pass kereta api untuk pengiring Ahli Dewan Rakyat ini, tetapi saya dapati, mulai penggal ini, Pass “B” untuk kereta api bagi pengiring Ahli Yang Berhormat tidak diberi lagi. Saya ingin tahu mengapa ia tidak diberi dan sama ada ia akan dibekalkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak dalam perbelanjaan tambahan ketiga tahun ini, sejumlah RM1.75 juta telah dibelanjakan untuk membuat persediaan untuk Mesyuarat Raja-raja yang dilangsungkan baru-baru ini dan saya nampak di Bilik Mesyuarat di sebelah sana, dindingnya telah dilekatkan dengan wallpaper dan pintu masuk besar ke Bilik Mesyuarat telah dihias dengan marble yang elok-elok, tetapi selepas dua pintu mesyuarat, sampai ke pintu Bilik Ketua Pembangkang ia ditinggalkan dan apa pun tidak dibuat di dalam bilik Ketua Pembangkang. Karpet-karpet merah yang dipasang di tangga dan di pintu masuk belakang di sana tidak dipasang dengan sempurna dan tidak dipasang dengan cara profesional dan ada

tempat-tempat yang tinggi dan tempat-tempat yang tidak dikemaskan. Saya harap perkara ini dapat diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Maksud B.4 iaitu berkenaan dengan SPR. Pada tiap-tiap kali pilihan raya umum, parti-parti, tidak kira parti apa, mereka perlu menyediakan kad-kad pengundi iaitu mereka mencetak satu kad dan pada kad itu ada nama pengundi, tempat mengundi dan nombor butiran pengundi dan kad-kad ini perlu disampaikan kepada setiap pengundi dan jikalau satu kawasan ada tiga parti yang bertanding, ketiga-tiga parti itu semua memberikan kad pengundi ini. Walaupun ini bukan secara rasmi, tetapi pengundi perlukan maklumat-maklumat di mana mereka akan pergi mengundi nombor butiran mereka supaya mereka boleh menjimatkan masa apabila sampai ke pusat mengundi.

Saya harap perkara ini patut diambil alih oleh SPR. Apabila SPR boleh menyampaikan kad-kad ini, semua parti-parti yang bertanding ini akan menjimatkan pekerjaan dan tidak perlu lagi membuat pekerjaan ini. Kami senang sahaja boleh menyiapkan kad-kad ini, tetapi penyampaian kad ini sangat sukar sebab kami tidak profesional dalam hal ini dan jikalau hendak mengupah posmen atau sesiapa pergi, ini akan memerlukan satu perbelanjaan yang sangat besar. Jadi saya harap SPR boleh mengambil alih kerja ini dengan menghantarkan kad-kad mengundi kepada setiap pengundi di mana mereka boleh berbuat demikian melalui Jabatan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh berkenaan dengan kelemahan pendaftaran pengundi-pengundi. Pada masa ini, sesiapa sahaja, jikalau mereka ada rancangan dan jikalau mereka ingin dipindahkan dari satu tempat ke satu kawasan yang mereka ingin memilih atau membuang undi, mereka boleh mendaftar dengan pegawai-pegawai pendaftaran apabila pendaftaran pengundi dilancarkan.

Baru-baru ini, dalam pilihan raya umum lalu, saya dapati ada ramai pengundi-pengundi dari kawasan Seberang Prai, mereka telah mendaftar hak pemilih mereka di sebelah pulau, terutama sekali di Tanjung Bungah di mana Ketua Menteri Pulau Pinang bertanding dan mereka telah tahu bahawa Ahli dari Tanjong akan bertanding di sana, maka mereka berpindah secara beramai-ramai. Ahli-ahli tersebut pergi mendaftar di Tanjung Bungah dan seterusnya mengundi di kawasan Tanjung Bungah dan juga di kawasan Parlimen Bukit Bendera dan ini adalah satu kelemahan di mana pengundi boleh dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat.

Tuan Chia Kwang Chye: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Bagan, ada yang bangun Yang Berhormat. Dia hendak minta jalan.

Tuan Lim Hock Seng: Saya tahu dia mesti mahu cabar saya! Kalau saya boleh memberi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri atau tak beri?

Tuan Lim Hock Seng: Saya tak mahu beri. Saya ingat dia mesti hendak cabar saya. Kalau saya boleh memberi nama orang yang duduk di seberang, tetapi mengundi di Pulau Pinang, apa yang dia mahu? Dia mahu meletak jawatan atau tidak?

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak mahu beri, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Sama ada Yang Berhormat dari Bagan takut atau tidak?

[Disampuk]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

Tuan Lim Hock Seng: Saya tak ada masa!

Tuan Chia Kwang Chye: Kalau hendak buat tuduhan, jangan takutlah!

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak beri jalan Yang Berhormat, minta duduk. *[Disampuk]*

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, saya kenal orang ini. Saya kenal orang ini! Dia beritahu saya, saya buang undi di Pulau Pinang. Saya cakap, “memanglah kamu mesti berpindah ke Pulau Pinang untuk mempertahankan”. Beliau juga berkata bukan dia seorang sahaja. Mereka di dalam satu kumpulan, berkelompok, pergi buang undi di Pulau Pinang. Yang Berhormat yang berdiri ini hendak mempertahankan sendiri, dia sendiri merasa pedas!

Tuan Chia Kwang Chye: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Hock Seng: Tak apa, saya beri. Saya beri.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia beri ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Bagan sama ada pihak DAP khasnya Yang Berhormat dari Bagan atau Yang Berhormat dari Tanjong yang menjadi bosnya tidak menerima keputusan rakyat bahawa rakyat telah membuang DAP dari negeri Pulau Pinang khasnya di kawasan Tanjong Bungah. Adakah Yang Berhormat dari Bagan tidak menerima keputusan ini dan adakah Yang Berhormat dari Bagan tahu sama ada kekalahan Yang Berhormat dari Tanjong iaitu Tuan Lim Kit Siang di Tanjong Bungah, beliau menerima jumlah undi yang kurang daripada bekas calon DAP di Tanjong Bungah,

cuma menerima tidak lebih daripada 30%. Adakah Yang Berhormat dari Bagan hendak menipu orang bahawa Yang Berhormat Lim Kit Siang kalah di dalam.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, tak boleh sebut nama, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Bahawa.....

Tuan Lim Hock Seng: Cukuplah....cukuplah, masa saya tidak ada. Saya tahulah apa maksudnya.

Tuan Chia Kwang Chye:oleh kerana ada orang yang dituduh berpindah daripada seberang.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, dia berdiri tidak mempertahankan dan dia tidak menafikan sama ada orang dari seberang pergi ke kawasan beliau untuk mengundi. Dia tidak menafikan. Itu bermakna beliau mengaku. Kami di sini mengaku dan mengiktirafkan apa sahaja keputusan yang dibuat oleh rakyat. Saya tidak sebut bahawa kami tidak percaya kepada keputusan pilihanraya. Yang saya pertikaikan di sini adalah kelemahan pendaftaran pemilih di mana seseorang pengundi boleh sesuka hati sahaja mendaftar diri sendiri di satu tempat yang lain seperti apa yang saya katakan di dalam contoh saya tadi.

Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup.

Tuan Lim Hock Seng: Lagi satu, boleh? Lagi satu, sebab dia ambil masa saya. Saya ingat dia boleh cepat, tetapi dia panjang.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, Maksud B.11 iaitu BPR. Tuan Pengerusi, jikalau sesebuah syarikat hendak disenaraikan di BSKL, syarikat yang asal itu perlu memberi sekurang-kurangnya 30% kepada orang bumiputera. Itu kita tidak pertikaikan. Tetapi bumiputera yang betul-betul dapat 30% ini bukan bumiputera orang awam, orang miskin atau orang di tepi jalan. Bumiputera ini semua orang politik dari Barisan Nasional.

Saya tidak perlu sebutkan syarikat yang baru-baru disenaraikan di BSKL. 30% diberi kepada bumiputera tetapi orang yang menjadi director atau pengarah ialah orang-orang politik dari Barisan Nasional. Orang-orang politik dari Barisan Nasional inilah yang merampas hak-hak orang bumiputera. Segelintir mereka merampas hak-hak orang bumiputera secara umumnya.

Tuan Pengerusi, mereka ini dijadikan pengarah dalam sesuatu syarikat-syarikat awam itu yang disenaraikan di BSKL.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Keningau.

4.42 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.4 mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya iaitu ada berkaitan dengan pilihan raya dan juga Maksud B.7 berkaitan dengan keselamatan negara.

Apabila kita membawa perkara-perkara ke dalam Dewan yang mulia ini, kadang-kadang kita dikatakan bahawa apa yang kita sampaikan itu tidak berasas sama sekali dan dikatakan bahawa kita membohong dan sebagainya.

Jadi, kali ini, saya ingin membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini beberapa perkara yang ada berkaitan dengan Buku Daftar Pemilih kita ini yang kita ingin dibersihkan untuk mempertingkatkan lagi imej Malaysia di mata dunia. Dan kalau kita dapat memperbaiki dan membersihkan Buku Daftar Pemilih kita ini, tentu sekali tidak ada lagi yang boleh ragu-ragu terhadap keputusan pilihan raya.

Bagi pihak pembangkang, kita tidak takut apa sahaja keputusan asalkan ia adalah keputusan yang berasaskan daripada keputusan warganegara Malaysia dan bukan daripada keputusan orang-orang asing terutama sekali pendatang-pendatang tanpa izin.

Pertama, Tuan Pengerusi, saya ingin membawa kepada pengetahuan Dewan yang mulia, ini satu keputusan daripada Magistrate Court Sandakan pada bulan Ogos, 1994 mengenai dengan seorang yang bernama Amsiah Abdul Kadir yang telah cuba untuk mendapat satu pasport antarabangsa Malaysia dan beliau telah didapati menggunakan dokumen-dokumen yang palsu termasuklah permohonan beliau untuk memperolehi apa yang dikatakan kad pengenalan beliau yang sudah hilang iaitu dengan nombor H0137674 dan mengikut National Registration Department, IC yang sebenar tidak ada diberi kepadanya. Setelah kita memeriksa Buku Daftar Pemilih senarai 'A' tahun 1994, di muka kedua, iaitu berkaitan dengan Kampung Perasaan, bernombor 98; kita dapati nama Amsiah binti Abdul Kadir yang bernombor kad pengenalan H0137674 yang sama dengan kad pengenalan yang dipohon oleh beliau dan yang dikatakan sudah hilang. Ini menunjukkan sudah termasuk seorang bukan warganegara sebagai pengundi di dalam Buku Daftar Pemilih kita.

Saya juga ingin membawa ke pengetahuan Dewan yang mulia ini satu lagi kes di mana Magistrate Court di Sandakan pada bulan Disember, 1994, yang ada kaitan dengan seorang pemandu van yang ditangkap kerana ianya telah memperolehi satu kad pengenalan Malaysia yang berwarna biru yang didapati bahawa kad pengenalan ini adalah palsu dan nombor kad pengenalan ini adalah H0507739 dan apabila kita periksa Buku Daftar Pemilih tahun 1994, Senarai 'A', sebelah Lahad Datu Kampung Sepegaya, yang bernombor 598 terdapat seorang yang sama nama iaitu Mohd. Irwan bin Majid, seorang Indonesia dengan nombor yang sama juga, dengan nombor H0507739. Sekali lagi, ini menunjukkan bahawa ada seorang lagi orang asing, orang pendatang haram yang telah memperolehi kad pengenalan palsu yang sudah termasuk sebagai seorang pengundi di dalam Buku Daftar Pemilih kita ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi kes di mana ianya juga datang daripada Magistrate Court di Sandakan pada bulan Februari 1995, seorang Abu Bakar bin Hadjihil telah mengakui di hadapan Majistret Safiah Ambo, memperolehi dan memegang satu kad pengenalan biru yang dikatakan oleh National Registration Department bahawa kad pengenalan biru ini adalah palsu. Kad pengenalan ini bernombor H0480214. Dan apabila kita periksa juga Buku Daftar Pemilih Senarai 'A' tahun 1994, muka 137, di North Bay Kampung Pukol iaitu daerah Sandakan yang bernombor 6736; nama seorang Abu Bakar bin Hadjihil yang memegang juga kad pengenalan bernombor H0480214 yang serupa. Menunjukkan bahawa seorang lagi yang bukan warganegara Malaysia telah masuk ke dalam Buku Daftar Pemilih kita sebagai pengundi.

Dan kemudian, Tuan Pengerusi, dalam bulan November 1995, dua orang asing telah dihukum 12 bulan jel kerana mempunyai kad pengenalan biru yang palsu dan ini dijatuhkan oleh Magistrate Court di Kota Kinabalu oleh Majistret Encik Steve Ritikos dan nama orang yang berkaitan; seorang daripadanya orang Filipina ialah Hajah Siti binti Ismail, dan yang kedua; orang Timoris ialah Joseph Boro bin Peter. Kedua-dua mengakui memegang kad pengenalan palsu dan Hajah Siti binti Ismail telah memegang kad pengenalan yang bernombor H0505166 dan apabila kita memeriksa Buku Daftar Pemilih, Senarai 'A' 1994, di Kampung Karamunting iaitu daerah Sandakan, muka 55 terdapat pengundi nombor 2683 yang mempunyai kad pengenalan H0505166 yang bernama Hajah Siti Asmah binti Haji Ismail.

Ini menunjukkan juga, Tuan Pengerusi, bahawa beliau juga seorang yang bukan warganegara Malaysia telah masuk sebagai pengundi di dalam buku daftar pemilih kita. Jadi, ini hanya beberapa contoh yang menunjukkan bahawa ramai orang-orang asing, pendatang-pendatang tanpa izin yang termasuk sebagai pengundi-pengundi kita di dalam buku daftar pemilih di negeri Sabah, merekalah yang dikatakan ‘phantom voters’ atau pengundi-pengundi hantu.

Kita juga telah berkali-kali membawa pada pengetahuan Dewan yang mulia ini dan kepada pihak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil berat tentang perkara ini supaya tidak dibiarkan, agar apa yang kita sampaikan di sini tidak dikatakan perkara yang tidak berkesan sama sekali, kerana ini memang mempunyai asas. Bukan sahaja itu, sekarang mengikut investigation, dengan izin, oleh pihak Kerajaan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri terdapat beberapa sindiket telah pun diketahui yang mengeluarkan kad-kad pengenalan palsu ini. Bukan itu sahaja, sebanyak 22,000 kad pengenalan yang tulen telah pun jatuh kepada tangan pendatang-pendatang tanpa izin, ini mengikut kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Jadi, Tuan Pengerusi, saya mintalah supaya dalam aspek keselamatan negara kita ini dan juga untuk membersihkan buku daftar pemilih kita ini, apa yang kita sampaikan di sini diambil berat dan digunakan sebagai bahan untuk terus membuat penyiasatan yang menyeluruh, supaya hanya warganegara Malaysia sahaja yang benar-benar boleh mengundi dan boleh dimasukkan sebagai pengundi di dalam buku daftar pemilih kita ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bukit Mas.

4.53 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.4 iaitu Suruhanjaya Pilihanraya, Butiran 010000 - Urusan Pilihanraya dan 020000 - Dasar Baru.

Tuan Pengerusi, saya sebagai salah seorang Ahli Parlimen daripada Sarawak, wakil dari Barisan Nasional ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) oleh kerana, walaupun pilihan raya sudah berlalu dalam bulan April, saya rasa sesuailah untuk mengucapkan tahniah, oleh kerana negeri Sarawak ini, kalau kita mengirakan dari segi pengangkutan dan perhubungan memang sukar untuk berjalan ke sana-sini, khususnya di kawasan-kawasan pedalaman. Pada waktu pilihan raya Parlimen yang telah berlalu cukuplah saya mengatakan di sini, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya oleh kerana dalam satu masa kita menunggu hampir pukul 12.00 malam oleh kerana satu peti (box) daripada kawasan saya belum lagi datang. Walaupun di dalam keadaan seperti begitu, oleh kerana cuaca tidak begitu baik, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan tugas dengan begitu berkesan, dengan penuh waspada.

Mengenai Butiran 020000 - Dasar Baru, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya oleh kerana negeri Sarawak sekarang ini ada 6 buah kawasan baru iaitu kawasan Dewan Undangan Negeri dan satu kawasan Parlimen, iaitu di kawasan Kuching.

Maksud saya di sini oleh kerana Sarawak ialah sebuah negeri yang besar, hampir besar dengan Semenanjung Malaysia, jadi memang sesuai dan kena kerana kita ingin memajukan negeri Sarawak juga selaras dengan kemajuan yang ada di sini.

Ingin saya mengambil satu perhatian, Tuan Pengerusi, saya minta Jabatan Perdana Menteri tolong mengkaji satu nama yang diberi kepada satu kawasan di Sarawak iaitu Bakalalan (N.62). Kalau boleh mengikut rayuan-rayuan yang telah dihantar kepada Suruhanjaya Pilihanraya, rakyat di sana ingin supaya nama N.62 Bakalalan, kalau boleh diubahkan kepada Gunung Murut.

Kawasan saya, Tuan Pengerusi, ialah Bukit Mas, oleh kerana itu kita mahu berjalan jauh sedikit ke Gunung Murut. Gunung Murut itu ialah sebagai satu gunung yang tertinggi di Sarawak dan kalau mengikut yang dicadangkan oleh SPR iaitu Bakalalan hanya mengandungi satu kawasan, satu kampung sahaja, tetapi kawasan N.62 itu mengandungi segala kawasan dataran di Sarawak, dengan izin, all the hingland areas, oleh kerana kawasan seperti Bario, kawasan Adang di mana Bruno Manser bertapak-tapak pada masa dahulu itu. Sekarang ini mereka ingin supaya nama Bakalalan ditukar ataupun dikaji semula dan diganti kepada Gunung Murut atau Murut, dengan izin, the highest mountain in Sarawak.

Saya ingin juga menyentuh sedikit, Tuan Pengerusi, mengenai Maksud B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri - Unit Perancang Ekonomi, Butiran 020000. Saya sebagai salah seorang wakil daripada Kadazan memang setuju 100% mengenai Dasar Penswastan iaitu yang selama ini telah berjalan dengan begitu pesat dan berkesan lagi bermakna. Memang kadang-kadang kita mendengar atau membaca di dalam akhbar ataupun pandangan-pandangan dari pihak pembangkang yang mengatakan penswastan tidak begitu bermakna, tetapi bagi kita sebagai yang mewakili kawasan yang belum membangun, kawasan pedalaman, kawasan luar bandar, saya rasa hanya melalui Dasar Penswastan kita dapat melaksanakan projek dengan begitu berkesan.

Saya setuju oleh kerana Kementerian Pembangunan Luar Bandar sekarang menjalankan pelaksanaan bekalan elektrik ke luar bandar sebagai penswastaan. Saya menyokong usaha ini dan saya juga berharap pelaksanaan melalui penswastaan seperti ini yang diberi kepada syarikat bumiputera yang berasal dari Sarawak adalah memadai dan juga begitu berkesan untuk kita di sana. Walaupun saya tidak tahu siapa yang memiliki, tetapi yang penting dasar itu harus kita laksanakan.

Di sini saya ingin bertanya juga, Tuan Pengerusi, mulai dari tahun 1996, 1997, 1998 ataupun 3 tahun yang akan datang iaitu Rancangan Malaysia Ketujuh akan dilaksanakan.

Saya ingin bertanya berapakah agensi-agensi kerajaan ataupun syarikat-syarikat kerajaan yang akan diswastakan di dalam tahun yang akan datang dan saya juga ingin bertanya berapakah daripada negeri Sarawak. Setakat ini kita mendengar hanya EKTRAN ataupun Bakun sahaja yang di'privatise'kan atau diswastakan. Malangnya, hanya satu sahaja penswastaan dijalankan di Sarawak dan kita mendengar banyak hujah-hujah dan pembangkang pun banyak berminat. Tuan Pengerusi, walaupun begitu, saya rasa kita teruskanlah oleh kerana ini adalah satu dasar yang baik yang sesuai dan juga selaras dengan perkembangan semasa.

Saya ingin menyentuh sedikit iaitu mengenai B.8 - Jabatan Perkhidmatan Awam, Butiran 010000 - Program Pembangunan Sistem /Dasar Personel 010000 dan juga Program 010600 - Perkhidmatan Am.

Saya ingin bertanya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Misalnya, di Sarawak banyak orang yang bertugas selain daripada di bandar-bandar seperti Kuching dan Miri, ada juga di kawasan pedalaman. Saya pernah berjumpa dengan seorang pegawai yang bertugas di kawasan saya, saya ingin bertanya di sini apakah kelebihan, dengan izin, what are the benefits yang diberi kepada mereka untuk mendorong pegawai-pegawai kerajaan khususnya daripada Semenanjung bertugas di Sarawak?

Saya betul-betul merasa bangga kerana beberapa orang yang saya jumpa di kawasan saya ada mempunyai perasaan untuk menerima cabaran bertugas di kawasan yang tidak begitu sesuai dari segi keadaan keagamaan dan keadaan kedudukan. Oleh kerana itu, untuk mendorong mereka untuk bertugas ke Sarawak untuk memupuk lagi semangat perpaduan kekitaan di antara kita sebagai rakyat Malaysia, saya minta penjelasan daripada Jabatan Perkhidmatan

Awam adakah kelebihan (benefits) untuk mereka?

Sebaliknya juga saya ingin bertanya, kalau tidak haruslah kita kaji supaya mereka senang sekali pergi ke Sarawak sekiranya ada undangan untuk memindahkan mereka bekerja di sana. Sebaliknya, pegawai yang bertugas di Sarawak dan dipindahkan ke Semenanjung kalau tidak ada kelebihan (benefits), harus kita sekarang mengkaji, walaupun saya tidak ingin memanjangkan hujah saya mengenai perkara ini, yang penting saya rasa, harus kita mengkaji apa yang kita harus beri kepada mereka supaya mereka dapat berkhidmat dengan sepenuh-penuh hati supaya mereka ada keyakinan menjalankan tugas untuk rakyat kita.

Bagi saya, tidak ada masalah yang dihadapi untuk mereka yang berkhidmat di Sarawak tetapi saya rasa oleh kerana Sarawak jauh daripada Semenanjung, kadang kala dalam dua tahun baru mereka balik, itu pun tidak berapa bagus dari segi cita-cita kerajaan untuk membangun ataupun melahirkan masyarakat penyayang, keluarga bahagia. Saya rasa harus kita kaji keadaan ini dan saya rasa juga apa yang disarankan oleh rakan saya dari Yan, inilah maksud saya mengatakan di sini bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) harus mengkaji semula apa benefits yang diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas jauh daripada kawasan tertentu.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Pengerusi, minta maaf. Satu lagi, sedikit sahaja, iaitu Maksud B.13 - Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak. Saya tengok ada anggaran RM718,000. Kalau boleh Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dikekalkan dan peranan Setiausaha Persekutuan Sarawak boleh dikaji dari semasa ke semasa supaya beliau ataupun pegawai yang bertugas di sana betul-betul merasa mereka dapat membantu negeri dengan Persekutuan dalam segala masalah, dengan izin, give them more power dan saya rasa dari segi Sarawak dan Semenanjung tidak ada masalah. Saya pun pernah berjumpa dengan Pengarah yang bertugas di sana dan saya rasa mereka harus diberi banyak galakan ataupun dorongan supaya mereka dapat menjalankan tugas.

Sekain sahaja, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuaran.

5.06 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Tuan Pengerusi, saya juga turut serta mengambil bahagian membahas peruntukan Maksud B.4, B.7, B.8 dan B.9 dan kalau ada masa juga B.12.

Tuan Pengerusi, kita tidak ragu-ragu lagi untuk menyentuh balik mengenai kelemahan Suruhanjaya Pilihanraya, oleh kerana kita sudah mempunyai cukup bukti di mana banyak kelemahan yang perlu diperbaiki. Antara yang terbaru ialah di mana masa kini bantahan untuk daftar pengundi yang baru sedang dipamerkan tetapi draf daftar pengundi yang baru belum lagi sampai ke daerah-daerah di mana mereka patut dibantah. Jadi, sistem ini patut diperbaiki kalau kita betul-betul inginkan daftar pengundi ini di 'scrutinise'kan, dengan izin.

Maka perlulah satu sistem diadakan supaya bila sahaja masa bantahan dimulakan daftar pengundi itu haruslah available, dengan izin, di setiap daerah mengundi di mana ada bantahan diperlukan. Ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada para pengundi tetapi juga kepada pihak Suruhanjaya kerana kalau tidak ada buku untuk undi bantah, tidak ada cara untuk membantah. Saya rasa ini perlu juga diperbaiki.

Satu lagi perkara ialah Pegawai Rayuan di mana satu jabatan sahaja dinamakan sebagai Revising Officer for the purpose of objection, dengan izin. Misalnya di Sabah, Jabatan Hasil Dalam Negeri diwartakan sebagai Revising Officer dan bukannya nama pegawai yang dilantik. Sudahpun Jabatan Hasil Dalam Negeri begitu susah untuk memungut cukai daripada mereka yang tidak bertanggungjawab kerana mengelakkan cukai, diberi lagi tanggungjawab untuk scrutinising daftar-daftar pengundi.

Di Sabah kita tahu ratusan ribu pendatang asing yang sudah mula menyeludup masuk ke negeri ini dan menjalankan kegiatan subversif termasuk mendaftar sebagai pengundi. We will be foolish to ignore them, dengan izin, oleh kerana ada satu pepatah ada mengatakan, 'di mana kita tidak dapat melawan mereka dengan menggunakan senjata, kita ikut mereka dengan melalui undi, mungkin'. Negara akan hilang negeri Sabah dalam Malaysia kalau kita tidak mengambil perkara ini dengan serius. Kita harus merancang keselamatan negara dengan cara masa jangka panjang dan rasional dan bukannya mengikut emosi politik sahaja. Itu tentang daftar pengundi.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah slip pengundi di mana pihak SPR tahu di mana pengundi-pengundi hantu didaftar dan memberi slip untuk membantu mereka supaya dapat mengundi. Ini satu perkara yang tidak sihat dan perlu diperbaiki.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada Maksud B.8 dahulu, iaitu Perkhidmatan Awam. Kakitangan Perkhidmatan Awam seharusnya berterima kasih kepada kerajaan dan juga negara, oleh kerana di dalam Belanjawan yang dibentangkan tahun ini, mereka akan dapat bukan sahaja kenaikan gaji, tetapi juga bonus. Justerus itu, mereka tidak seharusnya mengkhianatkan kepada negara. Mereka harus menjalankan tugas dengan dedikasi dan penuh tanggungjawab, dan janganlah menjalankan 'black economy'. Misalnya, di Tawau, ada satu perbicaraan di Mahkamah Tinggi, di mana seorang Pengarah Jabatan Pendaftaran dikatakan ada kaitan dengan penjualan kad pengenalan palsu, hingga memperolehi RM80,000 hasil jualan kad pengenalan palsu yang dibuat di dalam rumah seorang pegawai yang dibicara itu, dengan penuh pengetahuan Pengarah Pendaftaran Negara di Sabah yang sudah ditukar balik ke Semenanjung Malaysia. Saya harap perkara ini akan disiasat siapa Pengarah itu dan di mana dia sekarang?

Tuan Pengerusi, saya juga menyokong tentang saranan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, supaya Ahli-ahli Dewan Rakyat seharusnya diberi peranan merancang pembangunan di kawasan masing-masing, baik Barisan Nasional atau pihak pembangkang. Kita harus ingat bahawa tanggungjawab untuk membangun negara adalah tanggungjawab kakitangan awam untuk merancang bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Kalau mereka tidak diberi peranan langsung, bererti mereka tidak dihormati dan tidak diberi peranan, bagaimana mereka menjalankan tugas.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak boleh, lain kalilah Yang Berhormat, minta maaf.

Saya harap, ini akan diambil perhatian oleh kerana walaupun kita mungkin tidak mahu mengambil kontrak, seperti Barisan Nasional yang hanya ingin mendapatkan kerja-kerja ataupun habuan-habuan, kita tidak berniat demikian. Tetapi kita bertanggungjawab memastikan bahawa perbelanjaan duit rakyat itu dijalankan dengan penuh tanggungjawab. Oleh yang demikian, saya harap supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat diberi peranan di dalam perancangan pembangunan di kawasan masing-masing.

Satu lagi perkara yang saya fikir sudah sampai masanya ialah di mana perancangan pembangunan yang menyeluruh dan selaras dengan Wawasan 2020 haruslah dibuat dengan jangka panjang, bukan secara in-situ development, dengan izin. Ini akan merugikan. Saya ingat di kawasan saya di Tuaran ada satu jalan raya yang kerana tidak dirancangkan, dibangun side-by-side, dengan izin, dengan jalan raya yang ada sekarang, RM130 juta akan dibelanjakan, tetapi tidak akan memanfaatkan kepada rakyat yang terlibat. Bukan sahaja mereka sedih kerana tanah sawah terkena dengan pembangunan 'so called', dengan izin, tetapi tidak sepatutnya dibuat demikian. Perancangan harus dibuat supaya jalan raya ini akan memanfaatkan dengan jangka masa yang panjang panjang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Pejabat Setiausaha Persekutuan di Sabah. Saya berpendapat bahawa ini adalah satu usaha yang baik kalau dijalankan dengan ikhlas. Tetapi satu perkara yang tidak sihat ialah saya mengikuti perbelanjaan, dia hanya diberi gaji, tetapi saya tidak tahu apa peranan sebenarnya. Kementerian-kementerian di Kuala Lumpur masing-masing menjalankan tanggungjawab melalui jabatan-jabatan dalam kementerian sendiri. Jadi, saya rasa sudah sampai masanya supaya beliau itu

dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan semua pembangunan Persekutuan di negeri-negeri yang berkenaan. Saya fikir beliau cukup berkemampuan dari segi pengalaman dan juga iktibar dari perancangan pembangunan dan juga tentang keperluan di negeri Sabah. Justeru itu, saya harap beliau akan diberi tanggungjawab yang lebih dan supaya tidak sia-sia belanja wang yang diberikan untuk maksud ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup, Yang Berhormat .

Tuan Yunof Edward Maringking: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh tentang Jabatan Perangkaan, Maksud B.9. Saya harap, di dalam perancangan atau pendaftaran maklumat-maklumat pembangunan dan juga kependudukan harus dibuat dengan teliti, terutama di Sabah. Misalnya, di dalam tahun 1995, bilangan penduduk di Sabah meningkat sampai 400,000 di dalam satu tahun. Kita tidak tahu bagaimana rakyat Sabah boleh membiak begitu banyak dalam jangka masa yang pendek. Jadi, saya harap perkara ini akan disiasat dengan sebaik-baiknya, dikhuatiri kalau-kalau ada orang luar yang sudah menjadi rakyat Malaysia secara haram.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Yunof Edward Maringking: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Sila gulung.

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, saya harap dalam Suruhanjaya Pilihanraya akan mengambil sikap yang bertanggungjawab dengan tidak mendaftar rakyat asing sebagai pengundi supaya rakyat Malaysia tidak akan kehilangan kepercayaan mengenai kewibawaan Suruhanjaya Pilihanraya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Serdang.

5.17 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh dengan Butiran 01600 - Urusetia Perancangan Lembah Kelang dan juga 02000 - Unit Perancang Ekonomi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, setiap pembangunan dijalankan di pusat pentadbiran Putrajaya telah diaturkan dan disusun supaya pusat pentadbiran Putrajaya akan mengikut jadual supaya jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian-kementerian akan pindah ke kawasan tersebut. Saya mengambil peluang supaya Urusetia Perancangan Lembah Kelang atau Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri supaya menimbang bukan sahaja merancang dengan secara teratur dan tersusun untuk pusat pentadbiran Putrajaya, dan juga terlibat dan meliputi dengan kawasan sekitarnya, termasuk kawasan Serdang.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh perkara ini kerana kawasan Serdang adalah terletak di antara Kuala Lumpur dengan Putrajaya. Sebagai satu kawasan strategi, maka Unit Perancang Ekonomi sebagai badan untuk merancang, merangka dasar, strategi dan pembangunan ekonomi, maka hendaklah ditimbang supaya kawasan Serdang sepatutnya bersama-sama dimajukan sepertimana dirancang di kawasan Putrajaya ini.

Tuan Pengerusi, saya menegaskan perkara ini kerana kawasan Serdang terletak di kawasan bukan sahaja sedang giat dibangunkan oleh Pusat Pelancongan Mine Resort, di kawasan sebelahnya juga Taman Teknologi Malaysia dan Pusat Sukan Negara. Oleh kerana itu, kawasan Serdang sepatutnya dapat dirancang semula sebagaimana telah dikaji oleh ITM baru-baru ini di mana sosio ekonomi di Serdang ini sepatutnya dirancang, disusun teratur

supaya dapat merupakan satu kawasan bandar baru selaras dan sejajar dengan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian, maka saya minta Unit Perancang Ekonomi supaya menimbangkan perkara ini dengan mendalam, jangan jadikan kawasan Serdang di antara Kuala Lumpur dan Putrajaya sebagai slump area, sebagai kawasan yang mundur, sebagai kawasan tidak diambil berat. Semasa pelancong atau pembesar-pembesar negara dari Kuala Lumpur melawat ke Pusat Pentadbiran Putrajaya akan datang, mesti melalui kawasan Serdang. Kalau pemandangan kawasan mundur dan tidak dibangunkan semula, maka akan menjadikan masalah, satu bahan perbualan kepada orang asing.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh berkaitan dengan Butiran 05700 - Pengambilan Tanah. Saya difahamkan bahawa pengambilan tanah di kawasan Wilayah Persekutuan dekat Batu 6 1/2 Puchong, untuk pembinaan Shah Alam express-way, di mana syarikat Kesas telah memaklumkan kepada saya kerana pengambilan tanah di kawasan tersebut masih belum diselesaikan kerana lambat diwartakan, maka terjejas pembinaan Shah Alam express-way di kawasan tersebut. Sebab pengambilan tanah terhadap dua kilang di mana terlibat pembinaan Shah Alam express-way. Oleh yang demikian, kelambatan untuk pengambilan tanah akan menjejaskan pembinaan Shah Alam express-way yang sedang giat dijalankan untuk memberi kemudahan pada masa Sukan Komanwel. Dengan demikian saya mintalah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab supaya mempercepatkan untuk mengambil tanah supaya pembinaan Shah Alam express-way dapat diikuti jadualnya.

Tuan Pengerusi, mengikut Butiran 05100 - Projek Sosial. Saya difahamkan bahawa transfer station di mana sampah sarap, sisa-sisa industri atau sisa-sisa binaan akan ditempatkan di kawasan Kampung Bohol di Batu 6 1/2, Puchong. Keputusan ini telah

disiarkan dalam surat khabar tetapi saya tidak tahu bagaimana caranya untuk mengawal alam sekitar, kerana sekitar kawasan Kampung Bohol yang dicadangkan sebagai transfer station, dengan izin, Tuan Pengerusi, kerana di kawasan tersebut berhampiran dengan Sukan Komanwel akan datang. Dan juga berkenaan dengan hospital TUDM dengan beberapa projek perumahan, katakan transfer station yang mengandungi sampah sarap yang berbau akan menjejaskan alam sekitar di sekitar kawasan, melainkan satu jaminan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya memberi jaminan bahawa alam sekitar tidak akan terjejas.

Sukalah saya mendapat penjelasan sama ada Jabatan Alam Sekitar telah memberi satu taklimat atau beri satu ulasan berkaitan DOE di tanah kawasan tersebut. Jika transfer station yang dicadangkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dekat kawasan saya ini, saya rasa bimbang dan risau kerana saya dapat rayuan-rayuan daripada penduduk-penduduk sekitar kawasan tersebut supaya dapatlah lebih lanjut lagi keterangan pihak DBKL berkaitan dengan pembinaan transfer station di mana sampah-sampah akan ditempatkan dan sampai ke Landfill Air Hitam Forest Reserve Puchong.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 219000 - Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Wilayah Persekutuan dan Selangor. Sebagaimana yang diketahui bahawa Wilayah Persekutuan telah diwujudkan dan kawasan-kawasan yang bersempadan dengan Selangor ini masih belum diselesaikan di mana di kawasan Wilayah Persekutuan bersempadan dengan Selangor ini seperti Jalan Sungai Besi. Walaupun sempadan di antara kedua-dua kawasan, tetapi jalannya di kawasan DBKL ini tidak dibuat langsung. Jalan Sungai besi bersempadan dengan Serdang ini serta kawasan yang dijaga oleh JKR Selangor memang baik, tetapi di bawah DBKL langsung tidak ambil berat.

Oleh yang demikian, kerjasama di antara Wilayah Persekutuan dengan pihak berkuasa Negeri Selangor ini patutlah dieratkan dan sepatutnya Unit atau Jawatankuasa Bersama antara Wilayah Persekutuan dengan Selangor ini sentiasa mengambil perhatian terhadap masalah-masalah yang timbul, bukan sahaja tanda sempadan berukuran di antara Wilayah Persekutuan dengan Selangor, tetapi juga kepada kemudahan-kemudahan asas di mana bersama-sama untuk mengatasinya. Dengan demikian, mungkin masalah-masalah yang bersempadan dengan Wilayah Persekutuan dan Selangor akan dapat diatasi. Jadi, tugas-tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh Jawatankuasa Bersama ini patut sentiasa mengadakan mesyuarat untuk mendapatkan satu pakatan untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh penduduk-penduduk kawasan dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi, saya hanya memberi pandangan terhadap perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka.

5.26 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.1 - Parlimen, Program 030100 - Pembaikan Bangunan Parlimen. Tuan Pengerusi, saya rasa apa pembaikan yang dijalankan adalah sangat menarik hati dan saya rasa, sebagai seorang Ahli Parlimen, ini memang mencerminkan keunggulan Parlimen dalam negara kita.

Di sini, saya juga ingin merujuk sedikit tentang keadaan yang kurang selesa yang dialami oleh kakitangan Parlimen, khususnya di Bilik Mesin Cetak, di mana apabila saya pergi untuk membuat salinan fotostat, saya ada memerhatikan bahawa keadaan di sana adalah sangat panas dan mungkin adalah tidak berapa sihat, khususnya kepada kakitangan yang terpaksa berjam-jam berada di sana. Dan kalau dalam keadaan sedemikian, saya rasa adalah

mudah untuk jatuh sakit atau sakit kepala dan dalam keadaan sedemikian, saya berharap pihak yang berkenaan bolehlah membekalkan hawa dingin supaya keadaan yang lebih selesa dapat diberikan. Ini adalah penting, Tuan Pengerusi, kerana kita bergantung kepada kakitangan tersebut untuk membekalkan *Hansard* setiap hari. Memandangkan mereka bekerja sampai larut malam dalam keadaan yang sangat panas, saya rasa kita harus menghargai sumbangan mereka dengan memberikan alam sekitar yang selesa. Saya harap bahawa pihak yang berkaitan bolehlah mengambil perhatian.

Pada masa yang sama, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 02000 iaitu mengenai Program/Aktiviti 020100 Bayaran Sara Hidup 12 Orang Ahli Baru Dewan Rakyat. Tuan Pengerusi, saya amat kesal, sungguhpun kita telah menambahkan 12 orang ahli baru, tetapi masa untuk berbahas nampaknya dikurangkan. Di sini, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya memandangkan pentingnya....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ditambahkan dua hari itu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya?

Tuan Pengerusi: Ditambahkan dua hari.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi untuk 10 minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya?

Tuan Lim Guan Eng: Untuk 10 minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, 10 minitlah. Jikalau sekiranya tidak 10 minit, semua hendak berucap, 30 hari pun tak habis.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya bersetuju, Tuan Pengerusi. Tetapi yang saya maksudkan ialah kalau kita hanya hadkan 10 minit, kita dipilih oleh rakyat bukan untuk berucap sekadar 10 minit sahaja. Yang saya hendak tegaskan kita bukan buat secara

‘melepaskan batuk ditangga’ sahaja. Kita sebagai seorang wakil rakyat ada tugas dan tanggungjawab di bawah sumpah yang kita buat, ikrar yang kita buat di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya percaya, rakyat tidak mahu Ahli Parlimen yang mereka pilih menjadi, dengan izin, ‘quickie MPs’.

Tuan Pengerusi: Ialah, tetapi pada masa kita membincangkan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat itu, tidak siapa pun mencadangkan supaya dilebihkan daripada 18 hari kepada sebulankah, tiada siapa yang mencadangkan. Sekarang tidak patut diungkit-ungkitkan semula benda yang telah pun diputuskan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, ada, yang saya harap pihak kerajaan boleh menimbang. Kalau masa ini boleh dipanjangkan kepada Ahli Parlimen, sekurang-kurangnya mesyuarat jangan diadakan larut malam, saya rasa susah. Saya ingat untuk orang yang berusia lebih panjang susah, bagi untuk orang yang lebih muda sedikit, saya bukan orang muda, orang muda sedikit seperti saya, saya pun rasa amat susah apabila kita terpaksa bermesyuarat sampai larut malam. Kalau boleh, tukarkan masa supaya kita boleh mesyuarat waktu pagi dan ini akan memberikan masa yang lebih kepada Ahli Parlimen untuk berbahas.

Saya ingin berbalik kepada hujah utama saya. Kita bukanlah ‘quickie MPs’, we are not here to give quickie speeches, dengan izin, dan saya amat kesal bahawa kita sekarang dihadkan hanya 10 minit, apa yang kita boleh bahaskan dalam masa 10 minit?

Saya harap bahawa kerajaan yang kononnya liberal bolehlah menimbangkan permintaan ini supaya memberikan masa yang lebih untuk semua Ahli Parlimen, tidak kira pembangkang atau daripada kerajaan. Lebih masa untuk membahas, mengutarakan masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.7 - Jabatan Perdana Menteri mengenai Unit Perancang Ekonomi. Di sini saya hendak bertanya, adakah satu tender terbuka diadakan apabila penjualan HICOM dirancang kepada Datuk Yahya? Dan kalau tender terbuka ini dirancang, bolehkah pihak kerajaan memberikan butir-butir lanjut tentang tender terbuka yang ditawarkan, kalau tidak ada, saya hendak bertanya, apakah kelayakan, apakah kriteria yang diterima pakai supaya hanya sesuatu pihak sahaja yang berkelayakan untuk mendapat 32% saham HICOM di mana dengan kait linkages, dengan kaitan, dengan ekuiti pegangan di dalam berbagai-bagai syarikat, dia ada kepentingan dalam semua sektor, baik bank atau baik perindustrian. Dan ini adalah satu pelaburan oleh pihak kerajaan dan sekarang diberikan kepada pihak swasta. Di mana kerajaan telah melaburkan wang yang begitu banyak tetapi apabila sekarang ini diswastakan apakah kebaikan, apakah manfaat kepada rakyat, kalau tender terbuka tidak dipakai.

Saya hendak tahu apakah matlamat utama penswastaaan? Kalau satu ciri-ciri utama penswastaaan ialah tender terbuka, mengapa ciri-ciri utama ini tidak digunakan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak ada cukup masa, 10 minit sahaja. Sedikit-sedikit sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit, dari segi pembelian saham HICOM. Saya difahamkan, saham ini boleh dibeli oleh mana-mana pihak dalam pasaran saham dan kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak membelinya atau kawan-kawan Ahli Yang Berhormat, mengapa tidak telefon broker, boleh beli di pasaran saham sana, saya rasa tidak ada masalah.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada pandangan Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Tetapi saya harap Ahli Yang Berhormat dari Rompin boleh lebih serius, kita jangan main-main di sini. Semua orang tahu, saya tidak mampu untuk membelinya, tetapi yang saya tanya, adakah tender terbuka dibuat supaya kita dapat harga yang paling tinggi, untuk memanfaatkan kepada rakyat! Bukan kalau untuk kalau siapa hendak beli, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak beli, belilah! Ini main-main, ini tidak serius, serius! Ini satu perkara serius.

Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Rompin kalau hendak tanya, tanya betul-betul.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak mahu beri jalan lagi, saya minta maaf. Kalau macam ini bertanya, buang masa saya.

Saya harap pihak kerajaan boleh memberikan satu jawapan mengenai perkara penting ini, apakah keistimewaan, apakah keajaiban Datuk Yahya, yang tidak diberikan kepada orang lain, mengapa hanya dia sahaja? Saya harap pihak kerajaan boleh memberikan jawapan.

Saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.11 - Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Badan Pencegah Rasuah tentang pegangan ekuiti pemimpin-pemimpin tertinggi kerajaan? Di sini saya amat kesal bahawa sungguhpun satu laporan telah dibuat ke atas Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu yang juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, apakah kemajuan laporan atau siasatan yang dijalankan oleh BPR di mana beliau telah memberikan saham kepada menantunya sendiri.

Saya telah bertanya dalam Ucapan Belanjawan - tidak jawab langsung. Adakah ini dibenarkan? Apakah tindakan yang diambil? Sungguhpun beliau berada dalam mesyuarat,

dalam kes Datuk Muslim, mahkamah telah memutuskan ini rasuah. Tetapi AG kata, tidak rasuah - saya tidak tahu, apakah kedudukan sekarang?

Saya rasa ini perkara penting. Jangan tutup perkara ini kerana dia menteri. Undang-undang adalah sama rata, diterima pakai sama rata, tidak kira kedudukan, tidak kawan atau lawan, mengikut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi di sini nampaknya, mungkin kerana kawan, kawan baiklah, kawan karib, tidak diambil tindakan, ini yang pertama.

Yang kedua, adakah seorang menteri atau seorang Ahli EXCO di mana seorang Ahli EXCO Negeri Sarawak, Datuk Amar James Wong Kim Min bekas Ahli Yang Berhormat dari Bintulu, yang mempunyai 17,299,520 saham dalam Pan Global Equities Berhad, sebuah syarikat yang disenaraikan dalam BSKL, melebihi 5% pegangan ekuiti dalam syarikat itu iaitu satu substantial interest, apakah ini dibenarkan dalam undang-undang.

Saya difahamkan, saya tidak tahu sama ada ini benar atau tidak, tetapi Yang Berhormat Pemangku Presiden Pemuda UMNO yang juga ada pegangan ekuiti dalam sebuah syarikat yang disenaraikan dalam BSKL kerana dia tidak ada, saya tidak mahu sebut syarikat itulah, yang disenaraikan dalam BSKL. Saya difahamkan beliau telah melepaskan, menjualkan ekuiti atau pegangan sahamnya. Kalau beliau terpaksa berbuat demikian, mengapakah Datuk Amar James Wong tidak payah atau tidak perlu berbuat demikian? Saya hendak bertanya, atau mungkin Yang Berhormat, di mana kawasan dia?

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, cukuplah, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya gulung sekejap?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja.

Saya harap bahawa semua persoalan ini bolehlah dijawab dan kita tidak mahu lihat bahawa BPR hanya mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai bawahan, hanya ambil

tindakan kepada ikan bilis sahaja, kita mahu tindakan yang sama kepada ikan yu, ikan jerung yang besar-besar pun mesti diambil tindakan supaya tidak ada 'double standard'. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong.

5.39 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, muka surat 49 - B.7 - Butiran 090000 - Bahagian Wilayah Persekutuan dan juga Butiran 100000 - Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan, muka surat 67, 020000 - Program Pembangunan Kerjaya, 020200 - Latihan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, saya nampak tahun ini Jabatan Perkhidmatan Awam mendapat lebih RM294 juta untuk latihan. Dan memang diperlukan untuk melatih bagi kakitangan kerajaan dan juga bagi pemuda pemudi untuk mencapai tahap yang tinggi dan saya diberitahu bahawa dalam tempoh 1991 hingga 1995 seramai 2,322 pelajar telah mendapat penajaan biasiswa iaitu lebih RM2.3 bilion dalam tempoh hampir 5 tahun.

Saya pun tidak tahu sama ada bilangan pelajar ini dipilih mengikut kriteria-kriteria yang tertentu ataupun mengikut standard yang lain, saya pun tidak tahu, cuma dari semasa ke semasa saya mendapat aduan mengenai ketidakadilan.

Di sini, saya hendak menekankan bahawa kalau boleh kita mesti ada kriteria yang tepat dan apabila kita memilih pelajar-pelajar dari seluruh negara, kita mesti menggunakan cara yang lebih adil dan saksama. Saya juga diberi tahu purata pelajar-pelajar tajaan JPA yang gagal mencapai ijazah ialah sampai 5%, ini bermakna dalam tempoh 5 tahun ini ada seramai lebih 100 pelajar yang tidak mencapai tahap ijazah. Ini kita mesti mengkaji kenapa begitu ramai orang tidak dapat menghabiskan kursus dan tidak mendapat ijazah. Hampir tiap-tiap tahun lebih 20 orang yang tidak dapat mencapai tahap yang diharapkan. Ini timbul mungkin kerana beberapa faktor, mungkin kerana sakit, mungkin kerana apabila kita pilih pelajar ini, kriterianya tidak begitu ketat dan sebagainya. Saya berharap, pihak JPA dapat

mengkaji sistem yang digunakan untuk memilih pelajar, kerana bukan main-main RM2.3 bilion dalam tempoh 5 tahun - itu untuk JPA sahaja.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah sampah sarap di Wilayah Persekutuan, setiap hari 1.2 juta orang wargakota termasuk semua yang bermastautin di Kuala Lumpur, termasuk Ahli Yang Berhormat yang semasa mesyuarat ini berada di Kuala Lumpur, setiap hari ada 3,000 tan sampah sarap yang dibuang oleh setiap warga kota Kuala Lumpur dan sampah sarap ini sekarang di buang di kawasan saya iaitu di Jinjang Utara. Patut kawasan lain pun menerima sampah sarap. Ada 10 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan, sepatutnya kawasan lain pun menerima juga, kenapa di Kepong sahaja kita mesti menampung beban ini - 3,000 tan sampah dibuangkan di Jinjang Utara iaitu tempat pelupusan sampah. Walaupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yan bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak cukup masa.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, saya hendak memberi pandangan dan hendak menolong Kepong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak boleh memberi pandangan - minta penjelasan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Kepong ingin mencadangkan kepada Dewan Bandaraya supaya diadakan satu sistem moden untuk mereka menghapuskan sampah sarap ini - melupuskan dengan cara membakarnya dalam satu incinerator. Adakah Yang Berhormat bercadang dan bersetuju dengan pandangan saya? Ini untuk makluman Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang dari Kedah pun kadangkala ada cadangan baik juga - incinerator (pembakar).....

Tuan Pengerusi: Dia sudah pakai bow-tie sekarang. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Lawa dia pakai bow-tie. Mengenai penggunaan pembakar sampah sarap, tetapi harganya mahal satu ribu juta ringgit untuk satu incinerator bagi melupuskan 1,000 tan sampah dan kalau 3,000 tan bermakna kita memerlukan 3 incinerator di seluruh Wilayah Persekutuan. Ini bermakna kita memerlukan tiga ribu juta ringgit dan kalau Yan boleh memberi sumbangan kita mengalu-alukan.

Walau bagaimanapun, cara yang diuruskan oleh Dewan Bandaraya, saya sentiasa diberi jaminan bahawa bila di buangkan sampah sarap itu, setiap 2 lori sampai ada 1 lori pasir dan kemudian disiram dengan ubat. Tetapi tiap-tiap kali saya pergi, tidak ada, cuma buang begitu sahaja sehingga bau busuk menyelubungi seluruh kawasan. Itulah masalahnya dan sejak tahun 1976 lagi berlaku perkara macam itu.

Saya juga ada meminta Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membuat kajian dan mereka pun membuat kajian dan mendapati cara yang dibuat oleh DBKL tidak betul, tidak mengikut cara yang baik. Walau bagaimanapun, sekarang FIU hendak mengambil alih tanah di situ dan kemudian saya nampak ada tapak yang baru di Jinjang Utara pula, tidak ada kawasan lain? Di Taman Beringin hendak dibuka satu lagi dengan melencongkan sungai dan juga membuat kajian EIA - itu yang saya diberitahu.

Saya harap EIA ini boleh dikeluarkan sebelum sampah ini dibuang di situ. Walau bagaimanapun, ada rundingan dengan kerajaan negeri Selangor untuk membuang sampah di Air Hitam di Puchong dan saya berharap bagi penduduk-penduduk Puchong pun, kita mesti fikir, kalau hendak buang di situ, ikut cara yang betul; jangan buang sampah seperti di

Jinjang Utara, tidak ikut cara 'sanitary landfill' langsung. Itu cara yang tidak baik. Walau bagaimanapun, cara yang terbaik sekali ialah kita gunakan cara yang termoden - dengan incinerator, kompositor dan sebagainya. Tetapi ada rundingan dengan syarikat-syarikat swasta untuk menswastakan semua cara pelupusan dan pengurusan sampah sarap dan sebagainya dan saya berharap ini dapat dilakukan dengan baik.

Sementara itu, usaha mestilah diadakan untuk menghapuskan segala bau yang busuk di kawasan Kepong yang saya percaya tidak begitu adil bagi penduduk-penduduk di kawasan Kepong yang berjumlah lebih 300,000 orang - tidak begitu adil.

Tuan Pengerusi, mengenai isu lot-lot tanah bagi keperluan awam dan kemudahan masyarakat, di seluruh Kuala Lumpur hanya ada 39 lot tanah seperti ini dan di Kepong ada 15 lot. Tetapi saya nampak pihak Dewan Bandaraya, walaupun ada membuat beberapa peruntukan dan ada juga berusaha untuk menggunakan lot-lot ini dengan baik seperti ada 5 padang bola sepak di Wilayah Persekutuan, salah satunya di Jinjang Utara, tetapi pengurusan di Jinjang Utara itu tidak begitu baik. Tanah-tanah lapang yang berjumlah 37 lot ini ataupun 39 lot, kadangkala persaingan di antara projek Dewan Bandaraya dengan penjaja-penjaja ataupun pengusaha yang lain.

Baru-baru ini di Jinjang Utara, Jalan Jinjang dekat dengan Pejabat Cawangan Dewan Bandaraya di mana tiba-tiba ada pengusaha-pengusaha hendak buat kedai untuk mencuci kereta. Saya pun hairan juga, ini tanah hijau, mengapa dengan tiba-tiba timbul, itu pun di depan Pejabat Dewan Bandaraya. Saya pun hairan. Mungkin dasar ataupun cara-cara yang diuruskan oleh Dewan Bandaraya hendaklah dikemaskinikan supaya penguatkuasa yang lebih 1,000 orang di Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya ini dapat dilatihkan dengan lebih baik lagi untuk mencegah aktiviti atau kegiatan yang tidak baik itu.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Rompin.

5.52 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut menyertai dalam perbahasan ini dalam perkara 202000, 030000, 190000.

Tadi, Dewan yang mulia ini telah mendengar ceramah dari Kota Melaka. Ini ceramah politik nampak gayanya. Pilihan raya lama lagi tetapi sudah bermula ceramah politiknya. Sepatutnya, daripada tokoh yang muda ini, seandainya kita mendengar dia punya misi dan visinya bagaimana hendak membangunkan negara Malaysia. Seperti tadi Kepong, bagus! Dia memberikan cadangan yang baik. Tetapi Kota Melaka ini bangun sahaja, semua tidak betul! Macam gendang, gong-gang, gong-gang, semua tidak betul.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Adakah saudara sedar bahawa dalam pemilihan CWC DAP baru-baru ini, Ahli Parlimen dari Kota Melaka mengalahkan ayahnya sendiri. Adakah ini lambang bahawa beliau akan menjadi Setiausaha Agung DAP? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini sepak mula beliau mengambil-alih DAP, saya kiralah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, isu yang dibangkitkan tadi dari satu segi, saya ingin mengambil kesempatan ini, kita sepatutnya memberi tahniah kepada kerajaan dengan menjualkan HICOM ini kepada swasta dan pembelian ini bukan pembelian pada give away prices, dengan izin, diberi pada kadar lebih daripada pasaran. RM1 saya difahamkan lebih daripada harga pasaran. Itu yang pertama.

Yang keduanya, ini juga kita memberi penghargaan kepada kerajaan. Saya yakin bahawa dari segi HICOM sudah semestinya kerajaan tidak begitu berpuas hati dengan arah, cara hala HICOM itu sendiri diuruskan. Mungkin ini merupakan satu jalan penyelesaian membetulkan kaedah perjalanan HICOM. Sebab, rakyat di negara ini mahu HICOM ini menerokai dalam bidang-bidang yang benar-benar tidak dapat diterokai oleh pelabur-pelabur kecil di negara kita seperti dalam bidang heavy industry.

Kita dengar HICOM membuat golf course, buat perumahan. Saya yakin bahawa ramai rakyat bertanya-tanya mengapa HICOM membuat golf course. Sepatutnya HICOM menumpukan perhatian mereka ini kepada pembangunan industri berat. Harapan kita bahawa dengan adanya penjualan saham ini kepada satu badan swasta, yang dibeli lebih daripada harga pasaran, dengan ini kita harap HICOM dapat menerokai bidang-bidang heavy industry yang tidak diterokai sekarang ini supaya dapat menjimat dari segi dengan contoh menjimatkan pertukaran asing.

Saya sokong kepada kenyataan Tan Sri tadi, nampak gaya Yan ini pakai bow-tie.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan sistem penswastaan ini. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya juga apabila sesuatu syarikat itu diswastakan, kita pastikan kekayaan yang kita dapat itu diagihkan balik kepada orang-orang lain supaya vendor system ini dapat berjalan dengan lebih baik dan syarikat induk jangan kadang-kadang melibatkan dalam anak-anak syarikat sedangkan orang lain tidak dapat nikmat daripada penswastaan ini kerana konsep kerajaan amanah kepada seseorang tetapi tanggungjawab orang itu pula hendak mengagihkan kekayaan yang dia dapat itu sama rata. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya atau tidak? Macam mana?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, semakin handsome Yang Berhormat dengan bow-tie ini. *[Ketawa]* Tetapi kalau pertandingan bahagian pakai bow-tie itu alamat penyakitlah. *[Ketawa]*

Harapan kita ialah tokoh yang membeli saham HICOM ini gunakanlah konsep-konsep yang berjaya seperti konsep PROTON, di mana dibangunkan anak-anak payung yang ramai kita dengar berjaya dengan terbentuknya, dengan jayanya pelaksanaan industri kereta nasional kita.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi yang saya ingin sentuh dalam perkara ini ialah tentang Putrajaya. Kita mengucapkan syabas dalam perkara 190000 Dasar Baru, 191000 Pusat Pertumbuhan Putrajaya. Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan menubuhkan satu pusat pentadbiran baru bagi negara kita dan juga dalam pelaksanaan ini, kita dapat penjelasan baru-baru ini oleh Perdana Menteri sendiri bahawa konsep, reka bentuk ciri-cirinya merupakan satu pelaksanaan bandar yang baru, seperti bandar in the garden, dengan izin. Dalam pelaksanaan ini, tumpuan juga diberi kepada penggunaan teknologi baru seperti diadakan information highway.

Dalam perkara ini saya ingin membawa satu perkara, Tuan Pengerusi, dengan penggunaan pertalian komputer seperti Internet, saya bimbang juga kalau penggunaan secara pertalian hubungan komputer secara terus ini ke dunia tetapi tidak ada satu regulatory framework untuk mengawasi maklumat dan data yang datang ke rumah kita.

Contoh, Tuan Pengerusi, kalau anak kita hendak pergi ke panggung wayang, gambar-gambar yang disiarkan ada tempat di mana filem yang dibenarkan sahaja melalui Censorship Board dibenarkan ditayang. Di rumah kita melalui TV, hanya filem-filem tertentu sahaja

dibenarkan ditayang dalam TV kita. Tetapi dalam komputer sekarang, dengan menggunakan program, petik sedikit suis, kita mendapat maklumat termasuk filem-filem sekarang boleh memasuki melalui Internet. Ini kemasukan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya minta izin daripada sahabat saya penjelasan. Adakah saudara sedar bahawa dalam akhbar hari ini telah dilaporkan wujud satu lagi budaya iaitu budaya “lepak cyber” bermakna mereka amat tertarik dengan Internet, jadi mereka menghabiskan masa dengan komputer.

Yang keduanya, adakah saudara sedar bahawa di negara ini sekarang wujud beberapa carrier ataupun syarikat yang membekalkan line untuk kita mendapat access kepada Worldwide Web bukan sahaja menerusi JARING tetapi malahan ada syarikat-syarikat kecil. Adakah ini merbahaya?

Yang ketiganya, adakah saudara mahu meminta kepada kerajaan supaya menggubal satu dasar untuk mengawal penyebaran bahan maklumat menerusi Internet? Terima kasih.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi bahawa saya mengesyorkan supaya dalam mengadakan satu dasar, satu framework untuk mengawasi kemasukan data-data ini. Kita tidak mahu program-program, tayangan gambar yang lucu memasuki ke rumah-rumah kita yang sekarang ini kita dapat pastikan melalui Censorship Board kita, dengan melalui filem-filem di wayang kita dapat bendung dan juga melalui TV kita bendung tetapi sekarang ini terlepas melalui komputer-komputer yang sekarang ini bertaburan berada di rumah-rumah kita.

Saya dengan harapan itu menyokong dalam perbincangan jawatankuasa ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

5.59 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.4 berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya sebanyak RM19,841,300 untuk tujuan urusan dan operasi serta peralatan-peralatan komputer.

Tuan Pengerusi, pada pilihan raya yang lalu, terdapat beberapa orang yang telah meninggal dunia tetapi masih didaftarkan di buku daftar pengundi. Jadi, saya ingin bertanya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tentang cara nama-nama orang yang telah meninggal dunia dipadamkan dari buku daftar pengundi.

Saya ingin mencadangkan bahawa pihak SPR membersihkan buku daftaran ini dengan cara matching dengan rekod-rekod dan daftar kematian di Pejabat Pendaftaran Negara. Dalam era berteknologi komputer di mana banyak rekod dan butir-butir telah on-line. Ini adalah satu tugas yang boleh dijalankan.

Sistem on-line untuk Pejabat Pilihanraya dan ibu pejabat telah pun diperuntukkan di bawah Program 020100 sebanyak 850,000.

Tuan Pengerusi, pengundi-pengundi yang telah meninggal dunia ini perlu dan mesti dikeluarkan daripada Buku Daftar Pengundi. Kalau tidak, pihak pembangkang sering membuat tuduhan bahawa adanya phantom voters atau pengundi hantu.

Tuan Pengerusi, walaupun dalam pengalaman saya, saya tidak pernah menemui pengundi hantu atau pengundi yang telah meninggal dunia mengundi di kawasan saya atau mana-mana kawasan tetapi Buku Daftar ini perlu dibersihkan melalui komputer on-line di antara Pejabat Pendaftar Negara dan SPR.

Berkenaan dengan pengundi-pengundi yang dituduh bukan warganegara Malaysia dalam senarai pendaftaran pengundi, kita pun boleh memastikan kerakyatan seseorang

pengundi itu melalui komputer on-line di antara SPR dengan Pejabat Pendaftaran Negara. Ini adalah kerana Rekod Pendaftaran Kelahiran dan Kerakyatan boleh didapati dengan kerja matching walaupun ini bukanlah satu kerja yang mudah.

Tuan Pengerusi, Malaysia adalah satu masyarakat yang demokratik dan bebas. Rakyat Malaysia adalah bebas berpindah rumah atau tempat menghuni sebab membeli rumah yang baru atau menukar kerja. Jadi, terdapat ramai orang yang dahulu didaftarkan sebagai pengundi di sesuatu kawasan pilihanraya dan kemudian berpindah ke lain-lain kawasan. Biasanya pengundi seperti ini tidak menukar tempat pengundian mereka kerana mereka sibuk ataupun malas tetapi khasnya di negeri Pulau Pinang, ramai orang yang duduk di pulau telah berpindah ke seberang kerana kawasan di seberang itu adalah satu kawasan yang sedang membangun cepat di mana harga rumahnya pun lebih murah.

Jadi, terdapat pengundi-pengundi di pulau yang berpindah ke seberang tetapi tidak menukar tempat pengundian mereka. Lagi pun negeri Pulau Pinang ialah satu tempat yang kecil dan masalah untuk mengundi pun tidak ada. Jadi, inilah satu keadaan yang sedia ada di mana terdapat orang yang tinggal di tempat lain tetapi mengundi di tempat lain.

Jadi, saya ingin mengesyorkan dan meminta sama ada SPR akan menjalankan satu kempen khas untuk memudahkan pengundi yang telah menukar tempat pengundian mereka untuk menukar tempat pengundian yang baru.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan di sini bahawa dengan peruntukan yang sedia ada di dalam Belanjawan ini, SPR membuat demikian kerana saya tidak mahu memberi peluang kepada pihak pembangkang khasnya pihak DAP untuk mengambil kesempatan membuat tuduhan-tuduhan bahawa ada pengundi-pengundi yang tidak tinggal di sesuatu tempat dan berpindah ke kawasan lain untuk mengundi. Ini adalah satu tuduhan oleh seorang yang

dikatakan sore loser, dengan izin, yang telah kalah dan tidak menerima keputusan rakyat, yang telah menolak politik tong kosong, khasnya politik DAP.

Dengan ini, saya menyokong dan sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jelebu.

6.05 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya dan saya ingin juga bersama dengan rakan-rakan yang lain bagi membahaskan Belanjawan di peringkat Jawatankuasa ini. Saya ingin menyentuh perkara B.7 iaitu JPM di bawah Butiran 030000 iaitu Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, kita memang tahu bahawa masalah beban kerja pegawai-pegawai sekarang ini memanglah begitu berat. Dengan peruntukan-peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Awam dan sebagainya, makanya seolah-olah pegawai-pegawai kerajaan pada hari ini terikat dengan tugas-tugas yang begitu membebankan. Walau bagaimanapun, mereka harus faham bahawa dasar-dasar kerajaan yang telah diputuskan haruslah dilaksanakan dengan baik, licin dan teratur, menepati waktu dan jangka masa yang ditentukan.

Apa yang ingin saya sentuh, Tuan Pengerusi, ialah menyentuh sikap di kalangan sesetengah pegawai kerajaan, selaku pentadbir di peringkat daerah dan juga negeri yang masih boleh dipersoalkan. Mereka telah duduk bertahun-tahun sebagai pentadbir daerah dan tanah di sesuatu daerah itu tetapi masih tidak boleh merobah sikap ke arah yang lebih produktif dan aktif.

Malah, selaku ketua jabatan di peringkat daerah, rasa-rasanya mereka ini menunjukkan satu sifat tidak bekerjasama dengan golongan ahli politik ataupun masyarakat yang menjadi ketua masyarakat di peringkat kampung-kampung iaitu Pengerusi JKK.

Ini jelas di mana Bahagian Pembangunan sesuatu daerah itu telah membelakangkan pendapat, pandangan wakil-wakil rakyat yang rata-ratanya mencari peruntukan bagi sesuatu projek-projek pembangunan.

Misal katanya peruntukan Projek-projek Kecil Ahli Parlimen. Setelah kita mempertimbangkan projek-projek yang dipohon oleh masyarakat, ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua agama dan juga pihak-pihak PIBG, pengurusan sekolah makanya ia kita setujukan untuk dilaksanakan. Apabila sampai waktu untuk dilaksanakan, tahu-tahu projek telah siap tanpa dirundingkan dan diberi tahu mengenai detail projek dengan wakil rakyat ataupun Ahli Parlimen. Malah yang menyedihkan lagi, Pengerusi JKK ataupun Yang di-Pertua PIBG ataupun guru besar sekolah-sekolah yang berkenaan tidak tahu bahawa projek dibuat di kampung atau di tempat mereka.

Ini harus kita lihat dan saya menyeru supaya pihak ICU ataupun Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di JPM akan melihat perkara ini sebagai satu perkara yang tidak boleh kita biarkan

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yunus bin Rahmat: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, saya harap perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya adalah perkara yang isolated iaitu yang hanya berlaku di kalangan segelintir pegawai kerajaan sahaja.

Tuan Yunus bin Rahmat: Saya setuju, Yang Berhormat. Saya telah nyatakan tadi, ‘setengah-setengahnya’, ‘sebahagian’, ‘segolongan kecil’ - ini ada berlaku. Dan apa yang harus saya tekankan perkara ini supaya pihak JPM akan dapat melihat perkara-perkara yang boleh memecah-belahkan masyarakat di peringkat daerah ataupun kampung-kampung berkenaan.

Sesungguhnya kerjasama dan kredibiliti seseorang pegawai itu tidak boleh melihatkan kepincangan ataupun kenegatifan pemikiran mereka selaku pentadbir daerah. Selaku pentadbiran di daerah juga, ketua pentadbir di daerah, perkara ini haruslah menjuruskan kepada soal-soal perpaduan dan bentuk kerjasama supaya permasalahan pelaksanaan dasar yang telah diputuskan akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Pengerusi, yang keduanya saya ingin menyentuh perkara Butiran 050000 Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM dan pengkhususan kepada Bahagian Dakwah dan Latihan yang telah diperuntukkan lebih kurang RM64.4 juta.

Jadi, kita mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memperuntukkan wang yang sebegitu banyak dan kita berharap supaya bahagian ini akan dapat menjalankan tugas-tugas pendakwahan dan juga latihan kepada kakitangan dan juga kepada masyarakat supaya syiar Islam akan dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Pengerusi, kita melihat sekarang ini permasalahan yang berlaku di kampung-kampung di kawasan-kawasan FELDA, di kawasan-kawasan kampung baru dan sebagainya permasalahan keruntuhan moral masyarakat dan golongan muda-mudi begitu ketara sekali. Masalah penceraian juga berlaku di kalangan masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar dengan permasalahan sosial juga dan perkembangan budaya kuning dan sebagainya ke kawasan-kawasan pedalaman. Jadi perkara ini haruslah mendapat perhatian daripada

Bahagian Hal Ehwal Islam di peringkat negeri ataupun daerah supaya dapat memperluaskan aktiviti mereka dengan memberikan ceramah-ceramah, latihan-latihan, khidmat nasihat, kaunseling dan sebagainya supaya jarak hubungan pegawai di Jabatan Agama Islam ini dengan masyarakat kampung akan bertambah rapat dan boleh menimbulkan keadaan yang positif dan harmoni. Semoga dengan hubungan yang sedemikian akan dapat menyedarkan masyarakat di kawasan-kawasan berkenaan untuk lebih bertindak ke arah yang lebih positif dan lebih bermoral lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai program pembangunan dan juga dasar personnel iaitu JPA di bawah Maksud B.8, Butiran 010000, ingin saya menyentuh bahawa harapan kita selaku orang-orang suruhan di peringkat Parlimen dan juga peringkat Dewan Undangan Negeri, tempat-tempat masyarakat mengadu dan apabila kita membawakan sesuatu masalah itu kepada peringkat pihak yang berwajib, adalah diharapkan supaya sesuatu tindakan itu haruslah disegerakan.

Misal kata, pewaris kepada seseorang penerima pencen ataupun pihak yang telah pencen yang telah meninggal tentunya pewaris mereka akan menerima habuan daripada pencen arwah suami, isteri ataupun anak mereka. Jadi, apa yang kita harapkan supaya Bahagian Pencen, JPA akan dapat mengambil tindakan yang bersesuaian dalam jangka masa yang sepatutnya supaya pengurusan ke arah pengalihan penerima kuasa pencen itu akan dapat disempurnakan dalam masa yang singkat.

Saya mempunyai satu kes yang telah dikemukakan oleh pihak yang berkenaan daripada kawasan saya apabila sisuami telah meninggal pada bulan Jun 1995 yang lalu dan sekarang sudah bulan November 1995, masih di peringkat awalan lagi diambil tindakan oleh bahagian berkenaan.

Tuan Pengerusi, lihatlah berapa lamanya bahagian berkenaan mengambil tindakan dalam hal ini. Saya minta bahagian yang berkenaan akan dapat mengambil tindakan yang bersesuaian dan insya-Allah maklumat yang berkenaan akan saya bekalkan dan saya akan maklumkan kepada Bahagian Pencen yang berkenaan supaya tindakan yang bersesuaian yang lebih cepat dan pantas dapat dibuat. Kita mempunyai sistem pengurusan pentadbiran melalui komputer. Saya ingat ini tidak menjadikan permasalahan yang besar untuk sesuatu kes itu dapat diselesaikan dalam tempoh yang begitu singkat.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 020000 - Program Pembangunan Kerjaya di bawah Program 020200 iaitu Program Latihan.

Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah mengenai dengan peluang-peluang latihan dan kursus di dalam jabatan ataupun di luar jabatan haruslah ditekankan. Selama ini kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak JPA kerana telah banyak merancang program-program latihan yang memberikan faedah kepada seluruh kakitangan yang merangkumi seluruh kumpulan bahawa latihan dan kursus itu amat penting diberikan kepada kakitangan.

Tetapi apa yang saya ingin sarankan supaya peluang yang sama juga atau pun kemudahan-kemudahan melanjutkan pelajaran atau kursus jangka panjang akan dapat diberikan kepada kumpulan-kumpulan pegawai yang rendah. Misal kata, dalam kumpulan pegawai pengurusan iaitu PTA dan PTD. Dahulu kita ada PTA dan PTD, tetapi oleh kerana telah direorganisasikan pentadbiran di peringkat perjawatan, maka PTA telah dijumlahkan dan telah dinaikkan kepada taraf PTD tanpa mengambil kira perkhidmatan yang lepas-lepas.

Apa yang ingin saya sarankan juga ialah peluang untuk mereka ini mengambil kursus Masters dan sebagainya, baik di dalam negeri mahu pun di luar negeri amat berkurangan

kerana kita tahu JPA rata-ratanya dipelopori oleh golongan elit iaitu pentadbiran di peringkat pegawai PTD dan banyaklah peluang-peluang tersebut diberikan kepada mereka yang berkenaan sahaja. Manakala pegawai-pegawai yang lain yang kurang berpengalaman dan sebagainya di peringkat pegawai yang junior kurang diberikan peluang-peluang yang sedemikian. Saya menyeru bagi pihak rakan-rakan kakitangan kerajaan yang masih ada di dalam perkhidmatan kerajaan sekarang,, supaya mereka ini juga akan diberikan peluang-peluang yang sama rata dengan pegawai-pegawai PTD yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, yang seterusnya saya merujuk kepada Butiran 020100 di bawah Program Perkhidmatan dan Kerjaya juga, saya ingin menyentuh mengenai penempatan pegawai-pegawai.

Apa yang kita lihat pada waktu ini seolah-olah di peringkat perkhidmatan, JPA tidak mempunyai satu garis panduan mengenai penempatan pegawai-pegawai kerajaan di peringkat negeri dan juga daerah-daerah atau pun di peringkat kementerian dan jabatan. Pernah kita lihat satu-satu kes melibatkan seseorang pegawai itu duduk di sesuatu jabatan itu sampai 10 tahun, tidak berubah-ubah, tidak bertukar-tukar dan tidak pun diberikan peluang tawaran untuk bertukar dan sebagainya. Kalau pun ada peluang bertukar, hanya bertukar di antara satu jabatan ke jabatan yang lain di dalam daerah ataupun negeri yang sama. Jadi....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, perkara ini haruslah kita lihat semula dan saya mohon supaya kadang-kadang permasalahan ini akan menimbulkan perasaan yang muak bila seseorang itu bertugas di sesuatu tempat dan satu kawasan.

Akhirnya Tuan Pengerusi, masalah peluang bagi pegawai-pegawai mendapatkan pinjaman-pinjaman dan sebagainya agak terbatas dan saya mohon perkara ini akan dapat

dilihat bersama oleh jabatan yang menjadi parent service kepada pegawai-pegawai ini iaitu JPA akan dapat melihat masalah-masalah kepegawaian dan kakitangan yang masih ketara. Umpamanya pengisian jawatan-jawatan yang masih kosong yang telah dijanjikan beberapa lama sampai 3 atau 4 tahun di sesuatu jabatan tidak diisi sampai sekarang.

Dengan kata-kata ini saya menyokong perbahasan ini dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sri Aman.

6.19 ptg.

Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh tiga perkara.

Yang pertama, Maksud B.1 - Parlimen. Tentang Parlimen ini, saya ini orang baru, jadi saya nampak ada sesuatu yang boleh kita betulkan. Oleh kerana saya ini dari Sri Aman, Sarawak, terpaksa saya datang awal. Bila datang awal, hendak pergi ke perpustakaan, tetapi saya nampak di perpustakaan kita di bawah sana, tempat duduk tidak selesa, suasana di sana begitu teruk saya rasa - mungkin suasana di dalam tahun 1960-an dan surat khabar tidak mencukupi. Itu pun saya rasa kita patut memesan surat khabar dari seluruh Malaysia. Sebenarnya, saya dari Sarawak kadang-kadang tidak pulang dua tiga minggu. Jadi, saya tidak tahulah apakah perkembangan yang ada di sana. Jadi, apabila kita membuat hujah-hujah di sini, kadang-kadang hujah-hujah kita ketinggalan zaman. Jadi, saya mintalah surat khabar dari Sarawak dari Sabah dibekalkan di sana.

Kantin kita, Tuan Pengerusi. Saya nampak tidak ceria. Apabila saya pergi ke Dewan Undangan Negeri di Kuching saya berasa malu tengok tempat kita di sini. Jadi, saya nampak tidak ceria. Jumlah Ahli Parlimen kita sudah bertambah tetapi kantin masih tidak cukup tempat duduk dan saya rasa pembantu pun kadang-kadang tidak cukup.

Tandas kita, di sekolah-sekolah kita mengatakan semua tandas sekolah patutlah bertaraf lima bintang tetapi saya nampak di Bangunan Parlimen ini tidak ada bintang langsung. *[Tepuk] [Ketawa]*

Jadi, kita dibekalkan pejabat di bangunan yang sebelah sana, Tuan Pengerusi. Jadi, pertama air-cond susah hendak cari, kadang-kadang tidak ada. Yang kedua, saya rasa rakan-rakan kita tidak mahu pergi ke sana kerana takut gelap. Yang ketiga, bila saya hendak minta kunci untuk saya tinggalkan bahan di sana, nampaknya tidak ada kunci yang diberi. Saya telah bertanya, kerana ada seorang yang menjaga keselamatan seluruh bangunan itu.

Jadi, cadangan saya Tuan Pengerusi, berilah kunci kepada kita. Jadi, apabila kita kalah nanti kita serah balik kunci itu. *[Ketawa]* Kalau menang, kita simpan.

Yang kedua...*[Disampuk]* Tidak, saya berpindah kepada B3 - Jabatan Audit Negara, Maksud 0110000. Jadi, saya harap Tuan Pengerusi, Jabatan Audit ini akan mengadakan latihan berterusan kepada pegawai-pegawai dalam jabatan itu oleh kerana karenah manusia bertukar tiap-tiap hari. Kita sekarang berpandu sangat kepada information technology, dengan izin, dan tiap-tiap hari cara kita membuat sesuatu dengan cara yang betul bertukar, tiap-tiap hari cara kita membuat sesuatu yang tidak betul juga bertukar. Jadi, saya rasa Jabatan Audit kita harus dibekalkan dengan teknik-teknik, cara-cara yang terkini supaya tidak ada penyelewengan di public service, dengan izin. Saya rasa juga kalau mereka diberi latihan yang berterusan, kita dapat menghadkan pembaziran di jabatan-jabatan kerajaan oleh kerana mereka sentiasa mengawal selia apa yang terjadi, pembelian, pembayaran dan lain-lain di jabatan-jabatan kerajaan. Jadi, dengan adanya penyeliaan berterusan ini, saya harap pembaziran akan dikurangkan dan kadang-kadang Tuan Pengerusi, di tempat-tempat yang terpencil kalau kita tengok, kalau ktia beri peruntukan RM10, kadang-kadang yang kita

nampak datang penerima kadang-kadang RM2, kadang-kadang RM3. Di mana pembaziran itu? Jadi, saya rasa kalaulah kita menguatkan Jabatan Audit kita, pembaziran yang seperti ini dapat kita kurangkan dan saya juga minta pegawai-pegawai dari Jabatan Audit terus menekankan Arahan Perbendaharaan dan juga Perintah Am ini dipatuhi sepanjang masa. Jadi, kalaulah kita berpegang kepada kedua-dua ini, saya rasa wang yang kita peruntukkan kepada jabatan-jabatan dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai lagi rakyat kita.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi, iaitu B.6 - Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Saya tahu setakat ini beberapa orang dari Sarawak telah dilantik sebagai ahli suruhanjaya ini. Saya sangat berterima kasih dan saya harap amalan yang baik seperti ini akan diteruskan oleh kerana orang dari Sarawak, bukan kita hendak membahagi-bahagikan dari Sarawak, dari Semenanjung, dari Sabah tetapi tidak dapat dinafikan orang dari Sarawak lebih tahu tentang apa yang terjadi, dialah yang lebih tahu tentang apakah yang ditakuti, apakah yang diharapkan oleh orang-orang di Sarawak.

Jadi, kalaulah kita ada ahli dari Sarawak, saya rasa ini adalah perkara yang baik. Tetapi bukan sahaja itu, saya harap amalan ini akan diteruskan dan saya harap juga apabila suruhanjaya ini bermesyuarat tentang perkara-perkara yang melibatkan orang dari Sarawak, saya harap suruhanjaya ini mengingatkan diri mereka iaitu negeri Sarawak ada sekurang-kurangnya 17 kaum etnik. Jadi, apabila membuat satu urusan pengambilan dalam apa-apa jua bidang, saya harap semua kaum ini akan diberi pertimbangan yang wajar.

Oleh kerana kadang-kadang saya nampak, Tuan Pengerusi, macam ada satu dua sahaja kaum di Sarawak. Apabila urusan pengambilan telah dibuat, saya nampak macam ada dua sahaja kaum di Sarawak, ataupun tiga, ataupun empat. Di mana kaum yang lain? Tidak minta, tidak mohon, tidak patut. Jadi, inilah yang kita mahu. Kita di Parlimen ini, kita adil.

Tuan Pengerusi pun adil, beri semua. Pembangkang beri, penyokong kerajaan beri dan kita hendak amalan yang seperti ini dipamerkan apabila kita telah meluluskan wang yang seperti ini untuk suruhanjaya ini.

Apabila urusan naik pangkat juga dibuat oleh suruhanjaya ini, saya juga mahu suruhanjaya ini memperlihatkan Sarawak adalah terdiri dari pelbagai kaum. Oleh kerana kadang-kadang kita tengok amalan yang tidak sihat. Macam di Sarawak dua tiga kaum sahaja atau dua tiga orang dari dua tiga kaum sahaja yang diambil, yang lain semua tidak berjaya. Ini tidak harus terjadi. Seperti yang saya sebut tadi, kita di sini adil tetapi kadang-kadang orang yang mentafsirkan apa yang kita mahu ini, kadang-kadang mereka berbuat lebih pandai dari kita. Jadi, apabila mereka membuat tafsiran mereka sendiri, mereka sudah tidak tentu arah. Jadi, inilah yang kita takutkan dan saya harap suruhanjaya ini memang berpegang teguh kepada prinsip mereka iaitu suruhanjaya dan tidak menyeleweng ke mana-mana. Tidak condong ke sini, tidak condong ke sana dan dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang pada minggu hadapan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.